

Jilid III
Bil. 45



Hari Jumaat
10hb November, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8149]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990 [Ruangan 8187]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1990 [Ruangan 8187]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG, (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB, (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
 „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
 „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
 „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
 „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
 „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
 „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
 „ TUAN M.G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
 „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
 „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
 „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
 „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
 A.M.N. (Saratok).
 „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
 „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
 „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
 S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
 „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
 „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
 S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
 „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
 P.J.K. (Tasik Chenderoh).
 „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
 „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
 „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
 „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
 S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
 „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
 „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
 „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
 „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang
 Lupa).
 „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
 „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
 „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 10hb November, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**KBSM DAN KBSR—
PELAKSANAAN**

1. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada satu kajian telah dibuat berkenaan dengan pelaksanaan dan pencapaian Kokurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan Kokurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) memandangkan bahawa ramai guru-guru masih belum mahir dalam bidang tersebut. Adakah Kementerian bercadang untuk menambah kemudahan-kemudahan kepada sekolah dan tenaga pengajar bagi menjayakan kokurikulum baru ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sentiasa membuat pengawasan dan pengesanan terhadap pelaksanaan KBSM dan KBSR. Perkara ini dilakukan dengan berbagai-bagai cara seperti lawatan, pengesanan dan penyeliaan.

Pengesanan ini dilaksanakan oleh pegawai-pegawai daripada bahagian-bahagian tertentu seperti pihak Jemaah Nazir Persekutuan, Pegawai

Pendidikan Negeri dan Pegawai Pendidikan Daerah. Laporan-laporan pengesanan dan Penyeliaan ini biasanya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa pelaksanaan KBSM dan KBSR yang ahli-ahlinya terdiri daripada Pengarah-pengarah Bahagian, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri untuk tindakan pihak-pihak yang tertentu.

Pihak Kementerian Pendidikan sentiasa menjalankan pengesanan KBSM dan KBSR secara berterusan di peringkat sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri melalui penggunaan alat pengesanan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Alat pengesanan ini merupakan borang-borang khas yang mengandungi butir-butir tentang budaya sekolah, disiplin sekolah, amalan, penghayatan dan kefahaman falsafah pendidikan negara, matlamat pendidikan negara dan konsep bersepadu dalam KBSM dan KBSR. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) memainkan peranan sebagai pengesan dan penyampai maklumat di peringkat sekolah rendah dan menengah dan menyampai maklumat tentang perkara tersebut kepada pihak Kementerian Pendidikan. Dengan cara ini pihak Kementerian Pendidikan sentiasa mendapat maklum-balik yang berterusan tentang pencapaian KBSM dan KBSR di peringkat sekolah. Pihak Kementerian juga sentiasa menyediakan berbagai kemudahan kepada sekolah-sekolah dari masa ke semasa mengikut keperluan. Ini termasuklah kemudahan-kemudahan

fisikal seperti kemudahan makmal sains, bengkel-pertukangan, pusat sumber pendidikan, alat pandang dengar, kemudahan bersukan dan juga tenaga mengajar yang terlatih.

Kementerian Pendidikan juga menyediakan peruntukan kewangan khusus untuk pelaksanaan KBSR dan KBSM.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa ini sekolah-sekolah menengah dan juga sekolah-sekolah rendah swasta tumbuh bercambah dengan banyaknya dan dijalankan secara halal sama ada dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu secara komersial atau oleh pertubuhan-pertubuhan atau diwujudkan secara eksklusif. Pertanyaan saya adakah KBSR dan KBSM kedua-dua jenis kurikulum ini diperluaskan juga ke sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah swasta tersebut supaya apabila murid-murid yang dihasilkan dari dua aliran ini yakni sekolah Kerajaan dan sekolah swasta ini kelak tidak merupakan dua golongan rakyat yang berbeza di dalam negara kita ini kerana dilatih di bawah acuan yang berbeza atau dalam ertikata lain di bawah kurikulum yang berbeza. Jadi, adakah KBSM dan KBSR ini akan diperluaskan ke sekolah-sekolah swasta dan jikalau ianya dicadangkan bagaimanakah hendak diselaraskan supaya guru-guru dan pelatih-pelatih di sekolah-sekolah swasta tersebut dapat menerima latihan yang cukup di dalam pendidikan mengikut kurikulum KBSR dan KBSM ini?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta-akta Pendidikan dan Peraturan-peraturan yang sedia ada pada masa sekarang, Kementerian Pendidikan belum ada cukup kuasa untuk mengarah semua sekolah-sekolah swasta untuk mengikuti kurikulum atau cara mengajar atau pembelajaran yang

dipraktis oleh Kementerian Pendidikan. Tetapi rancangan-rancangan ada dijalankan untuk memberi latihan-latihan kepada guru-guru yang berminat mengikuti kursus ini iaitu guru-guru dari sekolah swasta. Dari segi isi kandungan mata pelajaran itu, ini tidak berbeza sebab isi kandungannya adalah sama iaitu fokus kepada pembinaan Malaysia sahaja dan dari cara bagaimana murid itu diajar atau pelajari adakah sekolah swasta itu mengikuti sistem pendidikan KBSR atau KBSM, saya mengakui buat masa sekarang Kementerian Pendidikan tidak ada kuasa untuk memaksa pihak sekolah swasta mengikuti sistem mengajar baru ini.

Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan. Yang pertamanya adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa dalam melaksanakan KBSM terutama sekali ko-kurikulum agama didapati banyak sekolah menghadapi masalah tidak mencukupi tempat sembahyang atau surau. Adakah Kementerian bercadang untuk membina surau-sarau di sekolah-sekolah yang belum mempunyainya?

Yang kedua, kita tengok dalam falsafah pendidikan KBSM antara lain ialah untuk melahirkan insan kamil dan harmonis. Oleh itu perlu diperbanyakkan kursus-kursus kefahaman Islam dan sebagainya. Tetapi kita dapati peruntukan untuk matapelajaran agama tidak ada seperti matapelajaran lain untuk ko-kurikulum. Adakah Kerajaan, bercadang untuk memberi peruntukan tersebut?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedar bahawa mengikut sistem KBSM yang baru dilancarkan tahun ini, Kementerian dan sekolah-sekolah menengah menghadapi kekurangan bilik darjah untuk matapelajaran yang lebih banyak seperti Pendidikan Agama dan Kemahiran Hidup.

Rancangan sudahpun dijalankan untuk membina lebih banyak bilik darjah dan ini juga termasuk surau-surau untuk sekolah menengah yang memerlukan. Ini adalah dalam rancangan.

Berkaitan dengan ko-kurikulum untuk Pendidikan Agama saya tidak dapat menjawab berapa peruntukan ada diberikan untuk Pendidikan Agama di bawah sistem KBSM ini, tetapi mengikut tekanan yang diberikan kepada matapelajarannya dalam sistem KBSM, matapelajaran Pendidikan Islam ialah 5 jadual waktu satu minggu dibandingkan dengan matapelajaran lain. Ini sudah menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan memberi tekanan terhadap Pendidikan Agama dan Kementerian ada mengambil ramai juga guru-guru terlatih untuk mengikuti khusus Pendidikan Agama Islam dan pada masa ke masa ini akan ditambahkan.

PENGUNAAN DADAH DI SEKOLAH-SEKOLAH

2. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah Kementerian untuk mengawal masalah penggunaan dadah di sekolah-sekolah dan di Universiti-universiti.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi mengawal masalah penggunaan dadah di sekolah-sekolah adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan aktiviti ko-kurikulum seperti Skim Rencana Anti Dadah dalam Pasukan Pakaian Seragam Sekolah, Kelab Bimbingan dan Kaunseling dan sebagainya;
- (ii) memasukkan Pendidikan Pencegahan Najis Dadah di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah melalui semua matapelajaran; dan

- (iii) mengadakan projek khas seperti Kem Jaya Diri dan Kem Kaunseling semasa cuti sekolah.

Di peringkat universiti pula langkah-langkah seperti di bawah telah dijalankan:

- (i) mengadakan Unit Pencegahan Anti Dadah yang bertugas untuk membuat pemeriksaan mengejut di asrama-asrama dan di tempat tinggal pelajar sama ada di dalam ataupun di luar kampus;
- (ii) mengenakan tindakan tata-tertib yang lebih keras dan tegas seperti hukuman dibuang kampus terhadap pelajar-pelajar yang terlibat;
- (iii) mengenakan syarat menjalani pemeriksaan air kencing kepada penuntut-penuntut baru lelaki seperti yang dijalankan di Institut Teknologi MARA;
- (iv) sentiasa mengadakan ceramah-ceramah Agama dan Kaunseling untuk tujuan kesedaran; dan
- (v) langkah-langkah tambahan adalah seperti menggalakkan pelajar-pelajar bergiat di dalam kegiatan ko-kurikulum seperti sukan, kesenian dan kebudayaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada sehingga hari ini Kementerian Pendidikan ada menjalankan satu kajian mendalam untuk menentukan betapa seriusnya masalah penyalahgunaan dadah di dalam sekolah-sekolah dan universiti-universiti. Sekiranya ada, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membayangkan betapa ataupun bagaimana seriusnya masalah tentang penyalahgunaan dadah di dalam sekolah?

Yang kedua ialah saya ingin mendapat tahu sejauhmana Jabatan Pendidikan dapat melibatkan Per-satuan Ibu-bapa dalam memainkan peranan untuk membantu memban-teran masalah penyalahgunaan dadah ini di dalam sekolah?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya belum sedar bahawa adakah kita sudah menjalankan satu siasatan atau laporan yang sudah disediakan. Pada saya, saya belum dapat membaca laporan itu dan sebab itu saya tidak dapat menjawab soalan itu. Tetapi saya akan semak perkara ini dan sekiranya ada laporan, saya boleh bagi makluman itu kepada Yang Berhormat.

Berkaitan dengan melibatkan PIBG untuk mengambil bahagian di dalam mencegah masalah dadah ini, Kementerian Pendidikan ada men-jalankan kegiatan untuk meng-galakkan ahli-ahli PIBG dan ibu-bapa untuk melibatkan dalam kegiatan yang lebih sihat, tetapi saya mengaku bahawa ibu-bapa di sekolah-sekolah itu tidak sangat-sangat berminat untuk datang ke mesyuarat seperti Mesyuarat Agung dan sebagainya. Ada segelintir sahaja ibu-bapa yang sudah menjadi pengerusi ataupun ahli-ahli Jawa-tankuasa PIBG yang lebih berminat untuk menolong Kementerian Pendidikan. Kita berharaplah lebih ramai ibu-bapa mengambil berat tentang penyalahgunaan dadah ini dan memberikan lebih kerjasama dengan Kementerian Pendidikan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam soal mengawal masalah penggunaan dadah apakah Kementerian Pendidikan berpendapat salah satu daripada sebab penggunaan dadah adalah kerana kemasukan kebudayaan kuning di dalam pusat-pusat pengajian tinggi seperti budaya "rock" dan sebagainya. Jadi apakah

sikap Kementerian bersabit dengan masalah ini kerana ada unsur-unsur penggunaan dadah ini berkaitan rapat dengan kebudayaan kuning kerana selalunya bila ada budaya "rock" itu, orang kata lompat itu lebih daripada biasa maka digunakanlah najis dadah sebagai salah satu sumber khayalan. Adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengkaji masalah ini?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, kebudayaan-kebudayaan yang tidak sihat khasnya dari negara-negara barat ada mempengaruhi pelajar-pelajar di negara kita sebab mereka rasa hendak lebih bebas dan mereka sentiasa mengikut tabiat yang dilakukan di negara-negara barat itu. Tetapi berkenaan muzik "rock" ini, Kementerian Pendidikan belum dapat mengesan bahawa muzik "rock" ini adalah sumber yang menimbulkan penyalahgunaan dadah dan faktor-faktor lain pun hendaklah diambilkira seperti bimbingan ibu-bapa dan bimbingan dari guru-guru dan lain-lain faktor perlu juga diambilkira.

KES KEHILANGAN KANAK-KANAK

3. **Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah kes kehilangan kanak-kanak atau orang-orang yang dilaporkan pada tahun 1988 dan sehingga 1hb Oktober, 1989. Dalam jumlah tersebut, berapakah yang telah ditemui bagi tempoh yang sama. Dan sama ada Kementerian beliau telah membuat tinjauan tentang perkara ini. Jika ya, apakah punca-punca biasa terjadinya kehilangan tersebut. Adakah langkah-langkah lain yang diperkenalkan oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes kehilangan kanak-kanak dari tahun 1988 hingga September 1989 ialah 3,100 orang iaitu 1,782 dalam tahun 1988 dan 1,318 sehingga September, tahun ini. Dari jumlah tersebut 452 telah kembali ke rumah masing-masing. Dari tinjauan yang telah dijalankan, punca kehilangan atau kelarian dari rumah ini adalah banyak, merangkumi faktor-faktor tekanan sosial, masalah ekonomi, masalah keluarga, keadaan sekitar termasuk sekolah, dan pengaruh dari media-massa.

Antara punca-punca yang telah dikenalpasti ialah:

- (a) terpengaruh atau mengikut teman lelaki;
- (b) berselisih faham dengan keluarga;
- (c) kurang perhatian atau kawalan dari ibu-bapa;
- (d) menjadi pelacur dan inginkan kehidupan mewah;
- (e) faktor kemiskinan;
- (f) layanan buruk dari ibu-bapa atau bapa tiri;
- (g) mengikut orang yang menjanjikan pekerjaan;
- (h) tidak sanggup menghadapi peperiksaan sekolah kerana takut prestasi tidak memuaskan hati ibu-bapa;
- (i) cubaan perkosa oleh bapa/bapa tiri;
- (j) pengaruh golongan-golongan subversif;
- (k) terlibat dalam kegiatan dadah;
- (l) meninggalkan rumah sementara untuk melawat kawan/saudara atau mencari pekerjaan tanpa pengetahuan keluarga; dan
- (m) kurang matang atau kurang siuman.

Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi atau sekurang-kurangnya minimise, dengan izin, masalah ini, dengan cara, antaranya:

- (i) menasihati ibu-bapa dalam media-massa mengenai cara-cara yang betul mendidik anak-anak mereka;
- (ii) latihan khusus bagi murid-murid sekolah bagi membentuk akhlak dan rohani yang baik;
- (iii) memberi secara percuma sesi kaunselling kepada mereka yang memerlukan, menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (iv) mencadangkan supaya kawasan perumahan diberi keutamaan supaya kemudahan yang perlu untuk membentuk sikap kanak-kanak seperti kemudahan tempat/padang permainan dan dewan perhimpunan disediakan oleh pemaaju yang terlibat; dan
- (v) cadangan supaya syarikat swasta digalakkan untuk mempamerkan gambar-gambar mereka yang dilaporkan hilang agar orang ramai dapat membantu mengesan mereka.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, dari sebab-sebab yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, yang manakah yang paling berkesan dari segi menyebabkan larinya kanak-kanak ini ataupun dilarikan kanak-kanak ini.

Yang kedua, sebelum saya datang ke Parlimen tadi, saya melihat cerita di kaca mata TV yang . . .

Seorang Ahli: Tidak sembahyangkah?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Selepas sembahyang—mereka kata

saya tidak sembahyang. . . selepas sembahyang. Saya tengok sekejap dan cerita-cerita ini kadang-kadang mempamerkan satu keadaan di mana aktiviti-aktiviti melarikan dan dilarikan itu juga berlaku. Jadi, dari senarai sebab-sebab Yang Berhormat beri tadi, tidak ada menyentuh mengenai media-massa yang cerita-cerita di TV. Kemudian, cerita-cerita dalam buku-buku yang ditulis, dalam suratkhbar-suratkhbar yang kadang-kadang mendorong kanak-kanak kita lari ini dan juga mendorong orang-orang untuk melarikan kanak-kanak ini. Jadi, saya hendak penjelasan Yang Berhormat sejauh mana ini benar dan apakah tindakan yang diambil untuk menentukan supaya perkara ini tidak perlu, akibat daripada yang saya sebutkan tadi.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama mengenai yang mana yang begitu penting sekali, sukalah saya menyarankan di sini bahawa yang penting sekali, ialah perhatian serius oleh ibu-bapa sendiri. Soalnya pada hari ini ialah soal kurang perhatian dari kalangan ibu-bapa di samping kurang kawalan dari ibu-bapa sendiri. Kalau ibu-bapa benar-benar bertanggungjawab menerapkan keimanan kepada anak-anak mereka ataupun menanam suatu tatacara yang elok untuk anak-anak mereka supaya berakhlak dengan kelakuan yang baik, maka dengan sendirinya perkara ini tidak timbul. Jadi, soal pokok ialah soal ibu-bapa. Soal guru sekolah pun penting juga di mana mereka terpaksa menekankan soal-soal ini agar kanak-kanak yang berada di sekolah, benar-benar merasakan sekolah ialah tempat mereka menerima pendidikan yang baik dan bukan tempat yang boleh menakutkan mereka.

Masyarakat sendiri perlu bertanggungjawab terhadap mereka ini yakni mereka juga terpaksa memberi perhatian yang penuh,

terhadap mana-mana kalangan kanak-kanak yang agaknya berperangai tidak sopan atau tidak baik supaya dapat dibetulkan serta-merta atau sekurang-kurangnya memberitahu kepada ibu-bapa yang berkenaan tentang sesuatu yang tidak elok yang berlaku di kalangan kanak-kanak itu.

Dan berhubung dengan soalan yang kedua, apa Yang Berhormat sebut tadi, juga berpunca dari ibu-bapa sendiri, kalau ibu-bapa bertanggungjawab untuk meneliti mana satu media-massa yang wajar, yakni, mana satu yang elok, mana pula yang tidak elok maka dengan sendirinya, barangkali, perkara ini, dapat diatasi.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, ada dua jenis hilang atau tiga jenis hilang ini. Satu sahaja yang hendak hilangkan diri, satu terpaksa hilang dan satu itu memanglah mencari orang hilang. Dalam soal ini perkara yang pertama, kanak-kanak, tadi tidak sebutkan. Kebanyakannya Yang Berhormat sebutkan ialah yang dewasa, soal mereka yang lari. Soalan saya ialah, kalau boleh, Yang Berhormat tolong bagi tahu beberapakah jumlah kanak-kanak kecil ini dan saya difahamkan bahawa banyak kanak-kanak yang kecil ini hilang di supermarket-supermarket ataupun di pasar-pasar raya. Bolehlah kita katakan kelalaian ibu-bapa tetapi dari segi keselamatan kebanyakan kanak-kanak ini dijual di luar negeri. Jadi, saya memohon kepada Yang Berhormat, kalau boleh, beritahu jumlahnya dan apakah yang menyebabkan ianya berlaku dengan demikian?

Keduanya, dari segi keselamatan, apakah yang diusahakan dan yang ketiga, saya ingin bertanya beberapa negara-negara luar membuat satu pengiklanan di televisyen ataupun di kotak-kotak susu kerana susu ini digunakan oleh orang setiap pagi. Jadi, gambar kanak-kanak yang hilang itu ada dipamerkan bagi memudahkan

orang ramai untuk mengenal, mengesan dan membantu pihak-pihak yang berkuasa untuk mendapatkan balik kanak-kanak ini. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membuat demikian.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi, saya sebutkan dengan jelasnya tentang kehilangan kanak-kanak. Ianya termasuklah kanak-kanak yang kecil pun. Saya nyatakan tadi, bahawa, jumlahnya adalah lebih kurang 3,100 orang kesemuanya, tetapi, untuk memberi kepastian angka yang spesifik berhubung dengan kanak yang kecil sekali ini, saya memohon maaf. Saya akan sampaikan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Berhubung dengan soal pengiklanan yang disebutkan tadi, yakni, terdapat gambar-gambar di tin-tin susu dan sebagainya, dalam jawapan saya tadi, saya menyentuh tentang ada cadangan bagi syarikat swasta, mempamerkan gambar-gambar. Pengesyuran Yang Berhormat mungkin termasuk dalam lingkungan itu.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA BAGI PELANCONG EROPAH

4. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah peningkatan bilangan pelancong dari London dan Britain keseluruhannya akan berlaku secara significant dibanding dengan kos pengiklanan Visit Malaysia Year 1990 di 200 buah teksi London. Adakah usaha-usaha sebegini dirancang untuk bandar-bandar besar lain di Eropah Barat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah menjalankan aktiviti promosi bagi memberi penerangan

kepada pelancong-pelancong mengenai aktiviti-aktiviti Tahun Melawat Malaysia 1990 dan juga tarikan destinasi pelancongan yang sedia ada, bukan sahaja melalui pengiklanan di teksi, malahan juga pengiklanan melalui media-media seperti papan tanda iklan, iklan pada bas, media cetak dan elektronik. Di samping itu, sebaran maklumat juga dijalankan melalui aktiviti perhubungan awam dan brosyur-brosyur termasuklah kalendar jadual aktiviti Tahun Melawat Malaysia 1990.

Sehingga kini "response", dengan izin, yang diterima melalui iklan di 200 buah teksi-teksi di London adalah menggalakkan. Sehingga 17hb September, 1989 sebanyak 795 panggilan telefon telah diterima sejak kempen tersebut dimulakan pada 28hb Ogos, 1989. Ini bermakna panggilan purata ialah 53 panggilan telefon sehari.

Menyentuh tentang peningkatan bilangan pelancong dari Britain keseluruhannya, suka dinyatakan bahawa berdasarkan kepada anggaran yang telah dibuat bagi 1989 adalah seramai 104,000 pelancong adalah dari United Kingdom. Manakala bagi tahun 1990 anggaran ini menjangkau kepada 130,000 pelancong iaitu tambahan sebanyak 25%.

Jika dibandingkan dengan kos pengiklanan Tahun Melawat Malaysia 1990 pada 200 buah teksi di London, maka tambahan pelancong sebanyak 25% dari United Kingdom ini adalah dikira satu peningkatan yang baik dan cost-effective.

Setakat ini, Kementerian tidak bercadang untuk menjalankan kempen pengiklanan pada teksi-teksi di bandar-bandar besar lain di Eropah Barat. Walau bagaimanapun, kempen pengiklanan melalui media-media yang lain seperti media cetak, elektronik, papan tanda iklan akan dan masih dijalankan selaras dengan

kehendak dan citarasa pasaran-pasaran berkenaan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Berdasarkan penerangan daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bahawa setakat ini 25% atau 104,000 pelancong telah melawat Malaysia dan perbelanjaan dibuat sebegitu rupa di dalam iklan di teksi dan tempat-tempat tertentu di London. Saya ingin mendapat maklumat lanjut mengikut anggaran biasa setiap pelancong melawat ke negara kita, berapa perbelanjaan digunakan dan berapa jumlah jika dikalikan dengan jumlah pelancong yang melawat sepanjang tahun 1989 jika dibandingkan dengan perbelanjaan yang kita belanjakan, berapakah perbezaan untung atau rugi, sekadar maklumat awal.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengiklanan yang kita buat di luar negeri tidaklah boleh kita samakan ataupun kita buat perkiraan mengikut berapa jumlah pelancong yang datang ke negara kita kerana semua pengiklanan yang kita buat ini bukan sahaja bagi tujuan untuk Tahun Melawat Malaysia tetapi ianya akan memberi kesan kepada tahun-tahun selepas Tahun Melawat Malaysia itu sendiri.

Walaupun bagaimanapun, adalah di dalam anggaran kita bahawa anggaran pertukaran wang asing yang kita perolehi melalui bidang pelancongan ini bagi tahun 1989 ialah \$2,266.2 juta dan mengenai jumlah perbelanjaan tiap-tiap pelancong adalah berbeza kerana pelancong daripada sesuatu negara itu datang ke Malaysia berbelanja mengikut kemampuan mereka. Umpamanya, mungkin pelancong yang paling banyak berbelanja di negara kita mengikut tiap-tiap seorang ialah dari negara Jepun.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Saya suka bertanya kepada Setiausaha Parlimen, Tahun Melawat Malaysia 1990 ini saya hendak tahu sedikit, apakah persiapan-persiapan kita ataupun persediaan kita yang luar biasa daripada apa yang ada sekarang ini. Sebab sekarang pun sudah ada yang melawat Malaysia tetapi kita namakan tahun 1990 ini Tahun Melawat Malaysia, tentulah ada sesuatu yang lain daripada apa yang sudah ada sekarang ini. Kita hendak adakan apa? Umpama kata, "esok hari ke rumah saya", saya jemput orang ke hari ke rumah saya. Jadi ada apa di rumah saya itu? Atau memang biasa begitu sahaja atau apa dia punya program-program itu. Adakah yang kita hendak buat sesuatu yang mengkagumkan orang yang datang?

Kedua, adakah Tahun Melawat Malaysia 1990 ini misalnya, semua barang-barang dimurahkan harganya, cukai-cukai diturunkan, barang-barang semua murah, tambang murah, orang hendak datang, rumah-rumah dan hotel-hotel sewanya murah, jadi adalah sesuatu yang menyebabkan kita namakan Tahun Melawat Malaysia ataupun hanya nama begitu sahaja. Itulah yang saya hendak tanya.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Tahun Melawat Malaysia ini, kalau Yang Berhormat memberi analogi, "datang ke rumah saya", kalau dapat saya ibaratkan, datanglah ke rumah saya pada hari biasa lain dengan datanglah ke rumah saya pada hari raya, umpamanya (*Ketawa*).

Kita harus sedar bahawa dalam pembentangan Belanjawan yang baru lalupun, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberi penekanan kepada sektor pelancongan. Matlamat kita ialah untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke Malaysia dan supaya pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia itu duduk lebih lama. Apabila mereka duduk lebih lama di Malaysia, maka mereka akan berbelanja lebih dalam negara kita.

Inilah matlamat sebenarnya dalam sektor pelancongan, iaitu menarik ramai pelancong dan pelancong berbelanja lebih di dalam negara kita. Sudah tentulah apabila kita mengadakan Tahun Melawat Malaysia, kita akan mengadakan acara-acara. Sekarang ini 113 lebih acara yang akan kita adakan dalam Tahun Melawat Malaysia di mana acara-acara itu akan kita adakan secara lebih menarik lagi kepada pelancong-pelancong, bukan seperti acara-acara biasa. Maklumlah sahaja, hari raya.

Kita harap Tahun Melawat Malaysia juga merupakan bukan sebagai satu tahun seperti yang kita anggap sebagai tahun kemuncak, tetapi sebagai tahun titik-tolak di mana kita dapat memperkenalkan Malaysia dengan lebih meluas lagi kepada pelancong-pelancong di luar negeri. Sebab itulah kita yakin dengan tindakan kita memperbesar acara-acara, terutamanya acara-acara kebudayaan di dalam negara kita akan memberi peluang pada tahun 1990 kepada pelancong-pelancong untuk menikmati keindahan alam, keindahan kebudayaan dan kesenian negara kita dengan secara terbaik mungkin.

POLARISASI KAUM

5. Tuan Ting Chek Meng minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi polarisasi perkauman yang telah mengakibatkan pelaksanaan polisi-polisi Barisan Nasional sejak Merdeka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar sama sekali polarisasi kaum wujud akibat dari pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.

Sebenarnya dasar-dasar Kerajaan yang dilaksanakan adalah bertujuan

untuk menyatupadukan rakyat. Kejayaannya sangat jelas apabila dasar-dasar ini diterima oleh rakyat dari pelbagai kaum sebagaimana dibuktikan di setiap pilihanraya umum yang diadakan semenjak Persekutuan Tanah Melayu merdeka. Suka juga saya ingatkan bahawa Barisan Nasional sendiri adalah satu parti yang berbilang kaum dan keturunan dan dasar-dasar Kerajaan yang dibentuk olehnya juga bertujuan untuk memelihara dan memajukan kepentingan semua kaum.

Walau bagaimanapun, di antara langkah-langkah atau strategi yang diambil untuk mengatasi polarisasi kaum ialah melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dalam bidang pendidikan, Bahasa Kebangsaan, ekonomi, penerangan melalui radio dan televisyen, belia, kebudayaan pemsarakatan perpaduan melalui pertumbuhan seperti Rukun Tetangga dan sebagainya. Kesemua dasar dan program yang dilaksanakan adalah bertujuan membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatupadu dengan mempunyai perasaan kewarganegaraan, persaudaraan dan kekitaan yang mengatasi dan menembusi segala batasan-batasan kaum, agama dan wilayah.

Dalam keadaan-keadaan tertentu, Kerajaan juga menggunakan strategi pencegahan iaitu mengawal daripada terjadinya sesuatu kejadian yang tidak diinginkan. Ini termasuklah menggunakan undang-undang pencegahan seperti Akta Hasutan dan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang didapati berkesan bagi menyekat pelampau-pelampau di dalam perkauman, agama dan lain-lain lagi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa polarisasi kaum ini bukanlah datang daripada dasar Kerajaan. Saya ingin bertanya adakah polarisasi ini datangnya daripada

parti-parti politik Pembangkang yang mengajak kaum-kaum dalam negara ini untuk menyakiti satu agama dengan satu agama lain ataupun yang satu lagi datangnya daripada warisan ataupun semulajadi perkauman yang berlaku?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat pada kedua-dua sebab yang telah disebutkan tadi. Dalam jawapan saya tadi pun saya sebutkan juga bahawa ada di kalangan ahli-ahli parti Pembangkang yang sentiasa menonjol-nonjolkan perkara ini yang menyebabkan masalah polarisasi kaum ini timbul ke hadapan bahkan usaha-usaha Kerajaan seperti yang saya sebutkan ialah menyatupadukan rakyat.

Keduanya, dari segi warisan, memang perkembangan sejarah negara ini di bawah penjajahan British dahulu, rakyat negara ini dibiarkan bangun secara berasingan iaitu orang Melayu berasingan, orang Cina berasingan dan orang India pun berasingan. Ini telahpun menyebabkan perkara ini berterusan tetapi semenjak merdeka kita telah pun mengambil tindakan-tindakan tertentu sepertimana yang saya sebutkan sebentar tadi untuk menentukan bahawa bangsa Malaysia yang sebenarnya akan wujud di dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi iaitu menyebutkan memang terdapat kumpulan atau parti Pembangkang yang terlibat. Jadi, saya ingin bertanya parti Pembangkang yang manakah yang ada di Malaysia ini yang terlibat secara langsung dengan isu-isu perkauman dan menggunakan kesempatan perkauman ini untuk menang dalam pilihanraya—adakah DAP salah satu parti yang termasuk? (*Tepuk*)

Yang kedua, Yang Berhormat telah menyebutkan tadi bahawa untuk tujuan pencegahan Kerajaan mengambil tindakan melalui Akta Hasutan dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa tindakan Kerajaan yang selalunya sampai kepada peringkat sudah hampir hendak menjadi bubur? Kenapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan ataupun pencegahan di peringkat awal-awal lagi contohnya seperti Operasi Lalang. Kenapakah pihak Kerajaan tidak bekerjasama dengan media-massa supaya tidak terikut-ikut dengan tarian dan juga isu perkauman yang sentiasa dibawa oleh DAP?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menanyakan parti Pembangkang yang terlibat di dalam soalan polarisasi kaum. Soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat itu merangkumilah jawapannya sekali iaitu dalam Operasi Lalang ini kita dapat lihatlah orang-orang mana yang ramai sekali ditahan iaitu terlibatlah orang-orang DAP dan juga parti-parti yang lain.

Keduanya, kenapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan di peringkat awal khususnya contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat dalam Operasi Lalang. Sebenarnya Kerajaan memang bersabar dalam hal ini dan tidak tergesa-gesa mengambil tindakan-tindakan tertentu. Kita hanya mengambil tindakan-tindakan ini jika kita dapati bahawa tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak-pihak tertentu ini mengancam keselamatan dalam negara. Sepertimana yang saudara maklum bahawa menjelang tangkapan beramai-ramai di bawah Operasi Lalang beberapa perkembangan telah berlaku iaitu akibat daripada beberapa isu yang dimainkan oleh pihak-pihak tertentu termasuklah pihak Pembangkang seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi dan juga ada

tindakan yang dibuat oleh seorang yang telah pun menembak beberapa orang di sekitar Pasar Chow Kit dan ini telah pun membangkitkan keadaan yang amat mencurigakan, maka Kerajaan telah pun terpaksa mengambil tindakan di bawah Operasi Lalang itu.

Ketiganya, berkenaan dengan kerjasama di antara Kerajaan dengan media-massa, ingin saya maklumkan bahawa memang sentiasa diadakan perhubungan di antara media-massa dengan Kerajaan khususnya Jabatan Perpaduan Negara sentiasa menjemput wakil-wakil daripada media-massa untuk berbincang dan meminta kerjasama mereka untuk menjaga dan menganjurkan perpaduan di dalam negara ini.

LEBUHRAYA KARAK HIGHWAY— JUMLAH KONTRAK

6. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah perbelanjaan kontrak menjaga Lebuhraya Karak Highway yang telah diberikan kepada Malaysia-Thai. Sampai bilakah kontrak ini akan berakhir dan berapakah jumlah keseluruhan belanja menjaga "repair" Lebuhraya ini. Adakah kajian-kajian telah dibuat dan dicadangkan bagi mengurangkan perbelanjaan tersebut.

Menteri Kerjaraya (Datuk Leo Moggie Anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kontrak yang diberikan kepada Malaysia-Thai Development bagi membaikpulih lereng-lereng bukit dan cerun dan kerja-kerja berkaitan di sepanjang Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak adalah sebanyak \$46.02 juta. Kerja-kerja ini bermula pada Mac 1986 dan siap keseluruhannya pada bulan September 1988.

Mengenai kerja-kerja penyelenggaraan, satu kontrak berasingan

telah diberi kepada sebuah syarikat lain bernilai \$1.2 juta. Kerja-kerja ini untuk selama tempoh 3 tahun bermula pada tahun 1989 dan dijadualkan tamat pada September 1991.

Mengenai sama ada kajian-kajian telah dibuat untuk mengurangkan perbelanjaan, ianya telah dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Lembaga Lebuhraya Malaysia berpuashati dengan harga kontrak yang telah ditawarkan oleh kedua-dua syarikat di atas secara tender.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kontrak menjaga Lebuhraya Karak Highway kepada Malaysia-Thai ini merupakan isu yang dipersoalkan oleh Jawatankuasa PAC mengenai dengan bayaran lebih baru-baru ini dan soalan yang kedua, sejak Lebuhraya ini dijaga terutamanya Karak Highway ini, apakah Yang Berhormat sedar masih lagi berlaku kerosakan-kerosakan yang boleh membahayakan pengguna-pengguna terutamanya kenderaan-kenderaan yang sering kita danger berlaku kemalangan di sekitar kawasan Lebuhraya Karak Highway ini. Oleh itu, apakah tindakan pihak Jabatan Kerjaraya untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Leo Moggie Anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, kerja-kerja berkaitan dengan Lebuhraya Karak Highway tidak terlibat dalam soalan yang disiasat oleh pihak PAC sekarang.

Bagi soalan yang kedua, iaitu memang Lembaga Lebuhraya Malaysia sentiasa mengikuti kedudukan dan memberi perhatian kepada kedudukan Lebuhraya itu dari masa ke semasa

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Kedah. (*Ke-tawa*)

Dato Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberi. Saya rasa di Blok C ini payah sedikit dapat peluang, sebab itu saya rasa kawan-kawan semua ketawa tadi. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari pengalaman kita di dalam binaan Lebuhraya-lebuhraya di Malaysia ini, kita dapati selalunya Lebuhraya ini rosak sebaik sahaja siap ataupun diserahkan kepada pihak JKR, bukan sahaja Lebuhraya Karak (Karak Highway) ini, begitu juga Lebuhraya-lebuhraya lain seperti Timur Barat, Lebuhraya Utara-Selatan selalunya kita dapati rosak dan rosak teruk.

Saya ingin tahu daripada pihak Yang Berhormat Menteri, kenapakah kerosakan-kerosakan yang teruk ini selalu berlaku, adakah ini oleh sebab dari segi perancangannya tidak betul ataupun dari segi sebab-sebab iklim dan sebagainya.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati juga kos penyelenggaraan dan kos memperbaiki kerosakan-kerosakan selalunya melebihi daripada kos binaan yang asal, inipun saya ingin tahu daripada pihak Yang Berhormat Menteri kenapakah perkara ini boleh berlaku begini?

Datuk Leo Moggie Anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama itu memang ada terdapat di mana Lebuhraya atau jalanraya-jalanraya yang telah dibina mengalami kerosakan, dan ini oleh kerana disebabkan kebanyakannya kerana kedudukan cuaca dan sebagainya, kadang-kadang membuat pembinaan itu rosak selepas ianya siap mengikut design yang diluluskan.

Bagi menjawab soalan yang kedua itu, saya tidak ada angka-angka yang tertentu untuk menjawab dengan tepatnya, tetapi pada keseluruhannya

tidaklah seperti dianggap oleh Yang Berhormat itu.

PILIHANRAYA UMUM

7. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah benar pilihanraya akan diadakan pada akhir tahun ini/awal tahun depan seperti yang diura-urakan; apakah Kerajaan telah bersedia menghadapinya;
- (b) berapa ramai ahli baru yang layak mengundi telah mendaftar setakat ini. Sila nyatakan mengikut negeri-negeri;
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal satu undang-undang bagi mewajibkan semua warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas didaftarkan sebagai pemilih dalam pilihanraya;
- (d) berapa ramai mereka yang berumur 21 tahun ke atas yang tidak berdaftar sebagai pemilih sehingga tahun 1988 dan apakah langkah-langkah serta galakan yang diambil bagi meningkatkan sokongan mereka untuk mendaftar; dan
- (e) apakah Kerajaan bercadang untuk membuka ruang dan masa kepada orang ramai untuk mendaftar sebagai pemilih sepanjang masa, tidak seperti sekarang di mana pendaftaran bermusim dilaksanakan.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pilihanraya Umum diadakan apabila dibubarkan Parlimen atau Dewan-dewan Undangan Negeri nanti. *(Ketawa)* Bila Parlimen atau Dewan-dewan Undangan Negeri dibubarkan

tidak dapat dipastikan. Tetapi sudah pasti sebelum Ogos, 1991. Walau bagaimanapun, Kerajaan Barisan Nasional mahupun Parti Barisan Nasional sentiasa bersedia menghadapinya (*Tepuk*).

- (b) Dalam urusan pendaftaran pemilihan tahun 1989, Suruhanjaya Pilihanraya telah menerima 924,876 permohonan iaitu 693,468 permohonan sebagai pemilih baru dan 231,408 permohonan alamat. Dari bilangan itu hasil pemerosesan peringkat pertama jumlah permohonan yang sedang dipertimbangkan ialah 875,295 iaitu 568,364 permohonan baru dan 306,931 untuk tukar alamat. Pecahan permohonan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Wilayah Persekutuan,	75,534
Kuala Lumpur	
Perak	92,271
Terengganu	35,674
Sabah dan Labuan	47,575
Pulau Pinang	70,546
Negeri Sembilan	37,043
Melaka	26,956
Kedah/Perlis	79,614
Johor	104,568
Selangor	153,338
Pahang	58,911
Kelantan	57,073
Sarawak	38,192

Angka-angka yang tersebut adalah sementara sahaja kerana proses berkaitan dengan pendaftaran pemilih 1989 belum lagi selesai.

- (c) Setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk menggubal satu undang-undang mewajibkan semua warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas mendaftar sebagai pemilih.

- (d) Sehingga tahun 1988, adalah dianggarkan seramai 650,000 orang warganegara yang layak yang masih belum mendaftar sebagai pemilih. Menyedari akan perkara ini pada tahun 1989 Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan satu urusan pendaftaran pemilih secara bersepadu dalam mana berbagai-bagai kaedah telah digunakan untuk memudahkan lebih ramai warganegara yang layak mendaftar sebagai pemilih.
- (e) Cadangan untuk mengadakan urusan pendaftaran pemilih sepanjang tahun masih dalam pertimbangan Kerajaan. Terima kasih.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapakah sering berlaku kehilangan atau tercicirnya nama-nama pengundi di buku-buku daftar, sehingga menyebabkan seorang itu hilang kelayakannya untuk mengundi dan kadangkala pula terdapat perubahan-perubahan tempat. Adakah Suruhanjaya Pilihanraya dapat mengesan hal ini dan apakah tindakan-tindakan bagi mengatasi perkara ini tidak berulang di masa-masa akan datang.

Yang kedua, saya ingin bertanya pada masa ini pendaftaran selalu diberikan menerusi Pejabat Daerah, adakah pihak Suruhanjaya bercadang untuk memberi kelonggaran soal pendaftaran ini kepada parti-parti siasah kerana ternyata menerusi parti-parti politik ini keberkesanan pendaftaran ini nyata sekali ataupun kalau tidak boleh memberikan kepada parti siasah, Suruhanjaya terus memberikan peranan ini kepada KEMAS umpamanya, kerana KEMAS boleh memainkan peranan lebih efektif lagi.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, berlakunya hilang nama dalam senarai-senarai pemilihan ini adalah berasaskan kepada beberapa sebab, di antaranya ialah pemerosesan dalam komputer dan juga kadang-kadang ada pihak-pihak yang menyampaikan nama-nama ini melalui pendaftar-pendaftar yang tidak mempunyai maklumat-maklumat yang mencukupi.

Keduanya, berkenaan dengan perubahan-perubahan tempat ini kadang-kadang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya bagi mencari tempat-tempat yang sesuai untuk menjalankan pilihanraya-pilihanraya. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa pihak Suruhanjaya selalunya merujuk kepada Pejabat Daerah sebelum ianya dipastikan.

Keduanya, berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat supaya pendaftaran melalui Pejabat Daerah ini dibuat oleh parti-parti politik, saya percaya Yang Berhormat tentulah tidak bersetuju supaya kita serahkan pendaftaran pengundi-pengundi ini kepada parti DAP contohnya. . . .

Seorang Ahli: Pada UMNO bolehlah.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Pada UMNO, saya ingat itu nombor satulah. Jadi oleh sebab itu—saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuching tadi. . . .

Tuan Sim Kwang Yang: Bandar Kuching.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Bandar Kuching, saya minta maaf, saya tidak maksudkan Ulu Kuching. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya bahawa Kerajaan terus membuat pendaftaran ini melalui Jabatan-jabatan Kerajaan dan Pejabat Daerah sewajarnya menjadi tempat di mana perkara-perkara ini diproseskan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kelemahan besar sistem dan proses demokrasi ialah cara pendaftaran pengundi-pengundi di mana daftar pemilih-pemilih, sebagai satu contoh, ada 400,000 entries yang merupakan double entry atau triple entry di mana dengan nombor I.C. yang sama adalah nama-nama kedua kali, tiga kali nama-nama yang lain, alamat-alamat yang lain dalam satu kawasan, saya tidak tahulah seluruh negara berapa kali ini berlaku. Kenapa perkara ini boleh berlaku, kenapa dengan sistem komputer-komputer yang Suruhanjaya Pilihanraya ada tidak boleh membersihkan daftar-daftar pemilih ini? Adakah ini oleh kerana Kerajaan tidak mahu memberi peruntukan yang cukup kepada Suruhanjaya Pilihanraya membersihkan daftar pemilih supaya Barisan Nasional di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri menganggotai boleh menang dengan cara yang kotor, dengan sikap yang kotor yang ditunjukkan tadi (*Tepuk*) dan bagaimana Suruhanjaya Pilihanraya boleh mengadakan satu pilihanraya yang bersih apabila daftar pemilih tidak bersih? (*Ketawa*)

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ketua Pembangkang yang telah membangkitkan beberapa isu yang saya percaya memang tidak benar. Pertamanya mengatakan bahawa senarai pemilih tidak bersih, ini tentulah sekali tidak benar dan kerana senarai yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini dibuka kepada masyarakat umum dan selepas ianya diproseskan, ia juga dibentangkan untuk pemeriksaan. Kalau Yang Berhormat sebutkan tadi terdapat bahawa ada double entry, triple entry, terpulanglah kepada kita rakyat yang bertanggungjawab untuk membentangkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya ianya diperbetulkan (*Tepuk*)—terima kasih

kepada kawan-kawan kerana sokongan (*Ketawa*). Selepas ianya dibuka untuk diperiksa dan tentulah ini diterima sebagai betul dan saya percaya tentulah ada kesilapan-kesilapan lain yang tidak didapati ataupun tidak dilaporkan oleh pihak-pihak tertentu dan ini tentulah bukan masalah yang sengaja diadakan.

Tentang sebutan Yang Berhormat supaya senarai-senarai ini dibersihkan kerana kita mempunyai komputer-komputer, memang ini dibuat supaya kita tidak adakan double entry dan triple entry tetapi sebagaimana Yang Berhormat termaklum, komputer ini bukanlah satu jentera yang boleh proses semua itu kerana komputer-komputer yang ada pada hari ini juga mempunyai had-had yang tertentu, saya percaya kita akan mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk menentukan bahawa tidak akan ada double entry di masa-masa yang akan datang. Saya tidak tahu double entry dan triple entry ini banyak di sebelah parti Kerajaan atau parti Pembangkang, jadi ini terpaksa saya ingat kita pun hendak tengok juga, kalau banyak daripada parti Pembangkang ini, kita rasa perlulah kita bersihkan betul-betul (*Ketawa*).

PENDATANG HARAM VIETNAM— JUMLAH

8. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pelarian Vietnam yang masih ada di kem-kem pelarian Sungai Besi dan Pulau Bidong dan berapakah jumlah pelarian-pelarian ini yang telah dipindahkan ke negara ketiga dan begitu juga berapakah jumlah pelarian yang sekarang ini masih lagi datang ke negara Malaysia dan di kem-kem manakah ini ditempatkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya

menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober, 1989:

- (a) bilangan pendatang haram Vietnam yang berada di Kem Sungai Besi ialah seramai 6,670 orang, manakala di Pulau Bidong pula ialah seramai 13,701 orang;
- (b) semenjak tahun 1975 seramai 232,854 orang telah dipindahkan ke negara-negara ketiga dan pada tahun ini (1989) sahaja seramai 9,460 orang telah pun dipindahkan ke negara-negara ketiga;
- (c) semenjak bulan Januari tahun ini seramai 15,428 orang pendatang haram Vietnam yang baru telah tiba di negara ini;
- (d) pendatang-pendatang haram yang baru tiba di Malaysia akan ditempatkan sementara di Kem Kelulut, Marang, Terengganu, Kem Pulau Bidong dan juga Kem Sungai Besi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

BANDUAN MELARIKAN DIRI—SIASATAN

9. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sebab sejumlah 8 orang dalam tahanan boleh dapat keluar dari tahanan di Penjara Air Molek, Johor Bahru, Apakah tindakan yang sedang dan telah diambil

oleh pihak Kementerian di atas kakitangan Penjara tersebut yang telah menyeleweng di atas kewajipan mereka; dan

- (b) adakah benar penagih-penagih dadah yang berada dalam sistem penjara kita masih boleh mendapat bekalan dadah melalui suatu saluran yang berada dalam sistem Penjara di Negara kita. Jika benar bolehkah pihak Kementerian membawa suatu pasukan anti-dadah dari luar negeri untuk menyiasat dan mengambil tindakan di atas perkara ini.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Oleh kerana siasatan masih lagi berjalan mengenai kes kelarian 8 (lapan) orang banduan tersebut, maka saya tidaklah bercadang untuk memberi sebarang ulasan. Mengenai soalan (b) pula Kerajaan sememangnya menyedari berlakunya pengedaran dadah di dalam penjara tetapi ianya tidaklah berleluasa. Kerajaan tidak bercadang untuk membawa pasukan anti dadah daripada negara luar untuk melakukan penyiasatan kerana Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengatasi masalah tersebut.

PERTUBUHAN BUKAN POLITIK—JUMLAH

10. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Dalam Negeri menyatakan nama-nama dan jumlah bilangan pertubuhan-pertubuhan bukan politik yang wujud di seluruh negara sehingga September 1989.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Sehingga 30 September 1989 terdapat sejumlah 19,911 buah pertubuhan bukan politik yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966. Oleh kerana bilangannya terlalu

besar dan juga nama-nama pertubuhan ini boleh didapati di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, saya tidak bercadang untuk menyenaraikannya satu persatu di Dewan ini.

INDUSTRI PERIKANAN DI SABAH

11. Tuan Joe Ojhi Supiring minta Menteri Pertanian menyatakan terdapat banyak kesulitan pengusaha perusahaan industri Perikanan di Negeri Sabah, khususnya KONTROVERSI PERMOHONAN LESEN. Nyatakan lesen-lesen apakah yang sebenarnya harus memperolehi kelulusan daripada Kuala Lumpur, oleh sebab perusahaan perikanan amat digalakkan oleh Kerajaan, adakah Kementerian ini dapat memastikan CLEARANCE PROSES lesen di setiap negeri disempurnakan dengan lebih cepat supaya pelanggan-pelanggan pengusaha kita daripada luar negeri berpuashati dan tidak ragu-ragu terhadap industri-industri perikanan negara kita.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Akta Perikanan 1985 telah diperluaskan hingga ke negeri Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, dari segi perundangan dengan berkuatkuasanya Akta Perikanan ini pada 1 Januari, 1986 semua perkara-perkara berkaitan dengan perikanan (Kecuali Bahagian 9 yang berkaitan dengan Taman Laut dan Rizab Laut), adalah di bawah bidangkuasa dan tanggungjawab Kerajaan Pusat.

Berhubung dengan pengeluaran lesen bot dan perkakas menangkap ikan pada dasarnya Ketua Pengarah Perikanan telah pun menurunkan kuasa kepada Pengarah Perikanan Negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Pihak Kementerian sedar kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha perikanan di Sabah

pada masa ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian sedang mengambil langkah-langkah perlu untuk mengatasi kesulitan yang dihadapi dengan suatu cara penyelarasan menerusi rundingan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah.

MAS—KADAR MENGANGKUT BUAH-BUAHAN TEMPATAN

12. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah alasan-alasan telah dikenalpastikan bagi syarikat Penerbangan Tempatan enggan memberi kadar tambang istimewa ke atas pengangkutan buah-buahan tempatan ke negara-negara yang kehendak jika dibanding dengan syarikat-syarikat penerbangan yang berkenaan menawarkan tambang istimewa untuk mengangkat buah-buahan dan barangan mudah rosak.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Adalah tidak benar bahawa Syarikat Penerbangan Tempatan, iaitu Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) enggan memberi kadar tambang istimewa bagi tujuan mengangkut buah-buahan tempatan segar ke negara-negara luar. Sebaliknya MAS telahpun mengadakan satu tambang khas bagi kargo buah-buahan segar iaitu "Specific Commodity Rate" (SCR). Kadar ini merupakan kadar berdiskaun dan lebih rendah jika dibandingkan dengan kadar komersial atau "General Cargo Rate".

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN—PENSWASTAAN

13. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah ada rancangan untuk Jabatan Pengangkutan Jalan diswastakan. Kalau ada bila dan apakah keseluruhan Jabatan ataupun Bahagian-bahagian tertentu yang akan diswastakan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Kementerian Pengangkutan adalah sama-sama committed melaksanakan dasar penswastaaan Kerajaan. Bagi Jabatan Pengangkutan Jalan sehingga ini, ada dua aktiviti iaitu pemeriksaan kenderaan dan pengkomputeran operasi JPJ yang telah dirancang untuk diswastakan.

Kementerian Pengangkutan mengalu-alukan pihak swasta mengemukakan cadangan-cadangan lain jika ada.

FERI MALAYSIA—KERUGIAN

14. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan keuntungan yang diperolehi oleh Kerajaan semenjak cruise muhibbah dilancarkan oleh Feri Malaysia, jika dialami kerugian apakah Kerajaan akan menamatkan perkhidmatan tersebut.

16. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah wang kerugian terkumpul dalam projek Feri Malaysia setakat ini;
- (b) sebab-sebab kenapa kerugian besar itu telah timbul; dan
- (c) cadangan pihak Kerajaan tentang projek Feri Malaysia, sama ada ia akan ditamatkan sama sekali, ataupun projek tersebut akan disusun semula untuk memastikan kejayaannya.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Seputeh bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Sehingga 31 Januari 1989, kerugian terkumpul yang dialami oleh Feri Malaysia adalah sebanyak \$7.8 juta.

Di antara faktor-faktor yang menyebabkan kerugian Feri Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah penumpang dan kargo yang menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia adalah kurang daripada yang dijangkakan.
- (ii) Kekerapan berlakunya kerosakan kapal Feri Malaysia telah mengakibatkan kos yang tinggi untuk memperbaiki kapal feri serta lain-lain kos yang terlibat.
- (iii) Kos penyelenggaraannya yang tinggi.

Langkah-langkah telah diambil untuk meningkatkan prestasi Feri Malaysia seperti memperkemaskan pengurusan projek ini termasuk langkah meningkatkan produktiviti dengan mengurangkan bilangan kakitangan dan menjimatkan kos operasi serta memberi kebebasan kepada pihak pengurusan Feri Malaysia untuk merancang semula jadual pelayarannya. Dengan yang demikian penamatan perkhidmatan Feri Malaysia akan merupakan langkah terakhir sekiranya segala usaha-usaha yang diambil itu tidak juga memperlihatkan apa-apa kesan.

Berdasarkan anjuran untung/rugi sehingga 1996, Feri Malaysia dijangka mengalami kerugian bersih yang meningkat. Oleh itu, pihak Perbadanan Nasional Shipping Line (PNSL) telah memperakukan supaya perkhidmatan Feri Malaysia ini ditamatkan. Kerajaan sedang menimbang perakuan ini.

RIFLE STEYR

15. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kosnya kepada Kerajaan untuk

mengadakan usahasama dengan steyr Mannlicher GMBH untuk membuat rifle steyr di sini dan apakah syarat-syarat dan persediaan-persediaan yang sedia ada dalam perjanjian, dan bagaimanakah Malaysia dapat berfaedah daripada usahasama ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Jawapan kepada pertanyaan ini telah pun diberi bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Ipoh pada 26 Oktober yang lalu. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi terhadap jawapan tersebut.

(Soalan No. 17. Sila lihat jawapan No. 20 pada 16-10-89).

LEMBAGA LETRIK NEGARA—PENSWASTAAN

18. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada penswastan Lembaga Letrik Negara akan ditawarkan secara umum untuk mengelakkan tuduhan "nepotism", "cronyism", dan rasuah. Jika tidak, mengapa.

19. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bagaimanakah kedudukan penswastan Lembaga Letrik Negara pada masa ini dan adakah benar bahawa 23,000 orang kakitangan Lembaga membantah cadangan penswastan ini kerana mereka tidak berpuashati tentang tuntutan kebelakangan mereka yang belum selesai berkaitan pengurangan kadar caj bekalan elektrik untuk semua kakitangan LLN; pelaksanaan sekim perkhidmatan baru untuk kumpulan-kumpulan B, C dan D dan elaun perumahan dan lain-lain.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya ber-hajat untuk menjawab soalan ini ber-sama dengan soalan No. 19. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telahpun memberi jawapan kepada soalan ini semasa menjawab perta-nyaan Yang Berhormat dari Bukit Mas pada 1-11-1989 dan saya tidak ber-cadang menambah apa-apa di sini.

SALURAN TV BEBAS

20. Tuan Hu Sepang minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah permohonan yang diterima oleh Kementerianya untuk menubuhkan satu lagi saluran TV yang bebas, namakah syarikat-syarikat yang memohon dan sebab-sebab mengapa permohonan mereka ditolak.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Jawapan untuk soalan ini adalah sama seperti jawapan bagi soalan No. 5 dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang dijawab dalam Dewan Yang Mulia ini pada 1-11-89. Kementerian ini tidak ingin membuat tambahan kepada jawapan tersebut.

PENYAKIT AIDS

21. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Kesihatan sehingga hari ini berapa ramai pesakit yang mengidap penyakit AIDS. Beri angka mengikut pecahan kaum. Adakah benar, Kementerian Kesihatan akan memeriksa ujian kencing kepada setiap pelawat yang datang melalui Thailand ke negara kita. Apakah tindakan Kerajaan untuk menyekat merebaknya penyakit AIDS di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, soalan ini telah pun dijawab pada 16-10-1989 kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang.

MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA— PERANCANGAN

22. Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah "MPEN" sudah membuat perancan-perancangan bagi menentu-kan corak ekonomi negara di masa hadapan dan bagaimana pula terdapat bahawa ada anggota-anggota MPEN tidak mahu bersama di dalam majlis tersebut dan adakah ini terjejas tujuan MPEN ditubuhkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Jawapan kepada soalan Yang Berhormat telahpun dijawab pada 19-10-89 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa jawapan tambahan.

VIP CROOKS

23. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Dalam Negeri me-nyatakan:

- (a) apakah yang dimaksudkan dengan "VIP CROOKS" yang disebutkan oleh IGP baru-baru ini;
- (b) berapakah jumlah skandal kewangan (economic scandal) yang melibatkan VIP Crooks ini yang telah dikesan oleh Kera-jaan semenjak 1980 dengan menyenaraikan skandal itu satu persatu dan nama-nama mereka yang terlibat;

- (c) apakah yang menyebabkan skandal-skandal seumpama ini berleluasa dalam tahun 1980an ini; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk membendung keberleluasaan skandal-skandal seumpama ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Ketua Polis Negara tidak pernah menggunakan istilah "VIP CROOKS" seperti yang dilaporkan. Oleh itu soalan Ahli Yang Berhormat tidaklah lagi berkaitan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$9,257,427,310 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1990, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan

yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 27 tahun 1989, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (9hb November 1989).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, yang menjawab pada hari ini yang pertamanya ialah Jabatan Perdana Menteri.

4.05 ptg.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Dasar-dasar Am Belanjawan. Perbahasan-perbahasan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut sama ada merupakan pandangan, teguran atau syor-syor terhadap beberapa perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Dalam tempoh perbahasan selama 9 hari Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi banyak perhatian kepada Jabatan Perdana Menteri. Kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu utama seperti Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN), Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan kemiskinan, penswastaaan, perpaduan dan integrasi rakyat, PETRONAS, perkhidmatan awam, pemberian biasiswa, peranan Badan Pencegah Rasuah (BPR), penerapan nilai-nilai Islam, masalah pendatang haram di Sabah, pendaftar pemilih dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat yang membahaskan mengenai peranan MPEN, di samping

itu juga ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan tindakan pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan. Di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan mengenai isu-isu tersebut adalah Yang Berhormat dari Tanjong, Kuala Terengganu, Pasir Mas, Ampang Jaya, Kimanis, Marudu, Padang Terap, Padang Serai, Bukit Bintang, Nibong Tebal, Bagan Serai, Kuala Langat dan Kapit.

Untuk makluman Yang Berhormat, MPEN ditubuhkan dengan tujuan untuk memberi peluang kepada segenap lapisan masyarakat menerusi ahli-ahli yang dilantik mengkaji dan menilai pencapaian Dasar Ekonomi Baru serta mengemukakan perakuan mengenai bentuk dasar ekonomi selepas 1990. Tugas MPEN sangat berat dan penting bagi masa hadapan negara dan generasi yang akan datang. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab setiap ahli MPEN untuk menimbang dan memikirkan segala isu dan perkara berkaitan dengan bidang tugas MPEN dengan penuh teliti dan tanggungjawab.

Berkaitan dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas sebagai wakil Semangat 46 untuk hadir sama memberi buah fikiran dalam MPEN, pihak Kerajaan amatlah menghargai sikap seperti ini. Walau bagaimanapun, memandangkan kerja-kerja MPEN boleh dianggap hampir selesai, dukacita Kerajaan tidak dapat menimbang untuk menerima masuk ahli-ahli baru dalam MPEN. Dalam pada itu, Semangat 46 masih boleh menyedia dan menghantar memorandum yang mengandungi pandangan mereka kepada MPEN untuk dipertimbangkan oleh ahli-ahli Majlis.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, sehingga kini MPEN masih belum selesai menjalankan tugasnya. Kerajaan akan

menimbang dengan penuh tanggungjawab segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan. Oleh yang demikian, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang mengeluarkan sebarang kenyataan mengenai apa-apa bentuk dan cadangan berhubung dengan Dasar Ekonomi selepas 1990. Kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai sistem kuota, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tanjong janganlah disalahtafsirkan.

Apa yang perlu Kerajaan tegaskan berhubung dengan sistem kuota ini adalah dalam konteks DEB sekarang dan tidak semestinya ia dianggap sesuatu yang negatif dan merugikan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai memberi pendapat seolah-olah matlamat perpaduan negara tergugat disebabkan oleh sistem kuota. Pada pandangan Kerajaan, DEB merupakan satu langkah tegas yang mempunyai tujuan murni ke arah memastikan satu corak hidup sosio-ekonomi yang adil dan saksama di kalangan rakyat. Pelaksanaan DEB telahpun memberi banyak pengajaran kepada semua pihak termasuk Kerajaan. Dalam hal ini, sistem dan pengurusan kuota juga perlu dilihat semula demi memastikan supaya ia boleh berjalan dengan lebih lancar dan berkesan sama ada ianya didapati masih merupakan satu alat yang praktikal demi mencapai matlamat perseimbangan yang kita semua harapkan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat dari DAP selalu memberi pandangan yang secara terang-terang menuduh DEB tidak berjaya mencapai matlamatnya. Kerajaan tidak bersetuju sama sekali dengan pendapat ini. Bagi Kerajaan, perkara penting yang semua rakyat Malaysia harus fahami ialah bahawa DEB adalah satu komitmen negara untuk mengatasi satu soal besar berhubung dengan kedudukan ekonomi antara kaum. Kerajaan

berpendapat bahawa DEB telah berjaya membawa perubahan kepada taraf sosio-ekonomi semua rakyat daripada berbagai kumpulan dan kawasan di negara ini walaupun pada peringkat ini matlamat asalnya belum tercapai secara penuh disebabkan oleh berbagai faktor khususnya yang tidak dapat dikawal. Dalam pada itu, pembangunan negara telah memasuki satu era yang lebih mencabar dalam konteks pembangunan serantau dan antarabangsa.

Oleh yang demikian, soal yang perlu diselesaikan ialah bagaimanakah matlamat negara untuk menjamin pencapaian taraf hidup dan sosio-ekonomi yang tinggi dan seimbang di kalangan berbagai rakyat dan kumpulan dalam tahun-tahun selepas 1990 dan ianya dapat dicapai dengan lebih berkesan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Pasir Mas, Puchong dan Maran menyentuh beberapa aspek mengenai Dasar Penswastaaan Kerajaan bagi memastikan supaya perkara tersebut tidak bertentangan dengan kepentingan awam. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat itu, Dasar Penswastaaan merupakan satu dasar penting bagi mencapai beberapa matlamat Kerajaan khususnya untuk meningkat kecekapan pengurusan sumber ekonomi negara dan produktiviti serta pengurangan beban kewangan Kerajaan. Di samping itu penglibatan syarikat asing adalah untuk memudahkan pemindahan teknologi, meningkat kepakaran pengurusan dan mendapat pasaran luar negeri. Usaha ini juga akan membantu mengatasi kekurangan keupayaan pasaran modal tempatan terutamanya projek-projek yang melibatkan modal yang besar. Penyertaan mereka adalah untuk mencapai matlamat dasar penswastaaan di samping Kerajaan sentiasa menjaga kepentingan berbagai pihak. Ini termasuk

kepentingan kakitangan Kerajaan dan kepentingan pengguna melalui prosedur dan saluran yang telah ditetapkan. Berhubung dengan pengawasan ke atas badan-badan yang diswastakan, Kerajaan sentiasa membuat peruntukan supaya aspek ini dipelihara demi menjaga kepentingan awam.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan Bukit Bintang mencadangkan supaya diadakan satu pelan induk penswastaaan untuk memperkemaskan dan mempertingkatkan projek-projek penswastaaan. Di sini ingin saya jelaskan bahawa satu pelan induk penswastaaan telah disediakan oleh sekumpulan juru perunding dan laporannya masih di dalam peringkat pertimbangan Kerajaan.

Yang Berhormat dari Pasir Mas menyentuh mengenai Pengerusi PETRONAS yang juga memegang jawatan sebagai Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Amalan ini hendaklah dikaji semula supaya perlantikan seperti itu tidak menimbulkan percanggahan dan perjalanan sesuatu pengurusan syarikat-syarikat tersebut dibuat secara profesional. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlantikan Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan Pengerusi Bukan Eksekutif PETRONAS adalah teratur, mengikut amalan dan undang-undang yang ada sekarang. Tugas yang dijalankan oleh pemegang jawatan-jawatan berkenaan telah tidak menimbulkan apa-apa percanggahan dari segi tanggungjawab dan akauntabiliti. Ini adalah kerana peranan yang dimainkan oleh pemegang jawatan-jawatan yang berkenaan adalah dipertanggungjawabkan ke atasnya oleh Kerajaan memandangkan organisasi berkenaan dipunyai oleh Kerajaan. Dalam hal ini juga pemegang kedua-dua jawatan berkenaan tidak mempunyai apa-apa kepentingan persendirian di dalam kedua-dua organisasi dan memainkan

peranannya bagi pihak Kerajaan Malaysia.

Yang Berhormat dari Simunjan telah menyentuh mengenai perkhidmatan Feri Malaysia di mana pada masa ini terdapat perkhidmatan Feri tersebut kurang memuaskan dan mencadangkan supaya ianya dikaji semula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, faktor utama yang menyebabkan kerugian perkhidmatan Feri Malaysia bukannya pengurusan yang lembab tetapi kerana jumlah penumpang dan kargo yang menggunakan perkhidmatannya kurang daripada yang dijangkakan. Ini adalah disebabkan penerimaan rakyat Malaysia terhadap pelayaran secara "cruise" belum lagi menyeluruh berbanding dengan masyarakat Barat serta permintaan terhadap perkhidmatan feri terhad kepada musim percutian sahaja. Selain daripada itu, masa yang diambil untuk sampai ke destinasi tertentu dengan menggunakan kapal feri adalah lebih lama berbanding dengan pengangkutan udara.

Walaupun kapal feri sewaktu dibeli berusia 16 tahun, kapal-kapal seperti ini mempunyai hanya ekonomi kira-kira 25 tahun, sekiranya diselenggarakan dengan berkesan. Semasa membeli kapal feri, Kerajaan tidak mempertimbangkan pembelian kapal baru kerana harganya adalah terlalu mahal dan mungkin 10 kali ganda harga Feri yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Kota Belud telah membangkitkan mengenai pelaksanaan Projek Ikhtiar di dalam usaha membasmi kemiskinan dan mencadangkan supaya laporan tahunan dan penyata kewangan Tabung Amanah Ikhtiar Malaysia dibentangkan di Dewan Rakyat. Yang Berhormat juga menegur supaya bantuan-bantuan kewangan yang diberikan bagi melaksanakan projek itu bukan berdasarkan kepada

kepentingan politik. Di samping itu projek ini hendaklah diperluaskan ke negeri Sabah. Projek ini adalah ditadbir oleh Amanah Ikhtiar Malaysia yang di daftarkan di bawah Akta Pemegang Amanah. Badan tersebut perlu menyediakan laporan tahunan dan penyata kewangan yang diaudit oleh mana-mana firma akauntan awam rasmi untuk dikemukakan kepada Peguam Negara. Ini bagi memastikan supaya operasi Badan tersebut dikendalikan secara cekap dan berkesan dari segi penggunaan kewangan dan pelaksanaan projek.

Kerajaan tidak pernah mengambil kesempatan untuk campurtangan ataupun mempengaruhi pengurusan projek tersebut. Bantuan kewangan yang dihulurkan oleh Kerajaan bukanlah untuk kepentingan politik. Namun demikian jentera pengawasan diwujudkan di peringkat negeri dan kebangsaan bagi memastikan pelaksanaan sekim ini berjalan lancar dan mencapai matlamatnya. Cara pemilihan kumpulan sasar dan kawasan-kawasan dibuat oleh pengurusan Badan tersebut berdasarkan data dan maklumat yang dikutip secara terperinci dan disusuli dengan penyiasatan terhadap keadaan yang sebenar. Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Kota Belud supaya program ini diperluaskan ke Sabah, suka saya maklumkan bahawa pengurusan Badan tersebut belum lagi bersedia untuk berbuat demikian buat masa ini.

Bagi maksud melaksanakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin, seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan Kementerian/Agensi yang berkenaan telah memberi penerangan terperinci kepada semua Ketua Jabatan peringkat negeri dan daerah mengenai program ini. Taklimat khas ini telah diadakan di semua negeri untuk pegawai-pegawai tersebut pada bulan Mei hingga Julai

pada tahun ini. Di taklimat ini, penjelasan telah diberi untuk menimbulkan kesedaran di kalangan pegawai-pegawai pelaksana mengenai objektif program ini serta strategi dan cara pelaksanaan program untuk membantu golongan termiskin dengan tujuan bantuan yang dilaksanakan dapat memberi manfaat secara berkesan kepada keluarga-keluarga golongan termiskin.

Yang Berhormat Ahli-ahli dari Kota Belud, Kimanis, Marudu dan Kapit menyentuh tentang kemudahan infrastruktur seperti bekalan air, bekalan elektrik, jalan-jalan kampung dan sebagainya di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak yang masih jauh ketinggalan berbanding dengan kawasan-kawasan luar bandar di Semenanjung.

Di sini ingin saya jelaskan bahawa usaha-usaha pembangunan sektor luar bandar akan diberi perhatian khususnya oleh Kerajaan bagi membantu meninggikan taraf hidup melalui perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial, terutama bagi negeri Sabah dan Sarawak. Dalam pada itu, Kerajaan juga mengenalpastikan halangan-halangan yang terdapat di kedua-dua negeri tersebut bagi melaksanakan program pembangunan seperti lokasi yang terpencil dan berselerak. Namun demikian usaha-usaha akan diteruskan bagi menambah peruntukan, memperkenalkan kaedah-kaedah baru dan menjalankan kajian untuk meluaskan penyediaan kemudahan asas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Simunjan dan Kimanis membangkitkan masalah integrasi nasional dan perpaduan. Kerajaan berpendapat bahawa tidak perlu dihad satu tempoh tertentu bagi mencapai integrasi nasional. Integrasi nasional adalah satu proses yang berpanjangan. Kerajaan sentiasa melipatgandakan usaha untuk menuju ke arah tahap

integrasi yang tinggi di antara negeri-negeri di Malaysia. Keberkesanan usaha-usaha integrasi ini boleh ditinjau di dalam banyak aspek. Ia termasuklah kejayaan-kejayaan di dalam usaha-usaha Kerajaan mengadakan waktu seragam di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, penurunan harga akhbar-akhbar kebangsaan yang dijual di wilayah-wilayah tersebut, pertukaran lawatan di antara pemimpin-pemimpin masyarakat dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya, penambahan bahan-bahan untuk disiarkan menerusi RTM dari Sabah dan Sarawak. Di samping itu pihak Sistem Penerbangan Malaysia dan Feri Malaysia mengadakan tambang murah bagi perjalanan untuk program integrasi dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak serta sebaliknya.

Mengenai soal kesetiaan dan status kewarganegaraan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Ampang Jaya, suka saya menyatakan di sini bahawa masyarakat di Malaysia secara amnya tidak mengungkit-ungkit soal kesetiaan dan kewarganegaraan orang-orang bukan Melayu dan juga hak keistimewaan orang-orang Melayu dan bumiputera yang lain. Jika adapun yang membangkitkan perkara ini, ia merupakan satu golongan yang amat kecil dan golongan ini mungkin tidak memahami atau sengaja tidak mahu menerima peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Perlembagaan.

Sebenarnya kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera yang lain serta kepentingan sah kaum-kaum lain adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan ini merupakan satu kontrak sosial yang diterima oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Simunjan juga menyentuh mengenai elaun khidmat khas dan elaun rumah yang tidak diperolehi oleh pegawai daripada Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha menggalakkan pertukaran pegawai-pegawai di antara wilayah serta menampung kos sara hidup yang lebih tinggi di sesuatu kawasan, Kerajaan telah mewujudkan beberapa elaun dan kemudahan, umpamanya Elaun Penempatan Khas, Elaun Wilayah dan kemudahan rumah Kerajaan kepada pegawai-pegawai Semenanjung yang bertugas di negeri Sabah dan Sarawak dan sebaliknya. Pada tahun 1987, Kerajaan telah menyemak semula pemberian elaun dan kemudahan-kemudahan di atas dan selaras dengan Dasar Integrasi Nasional telah bersetuju menyelaragamkan pemberian elaun dan kemudahan kepada pegawai-pegawai yang bertukar wilayah diberi elaun dan kemudahan yang sama mulai 1hb Januari, 1988 iaitu Elaun Wilayah, kemudahan rumah Kerajaan dan kemudahan tambang mengunjungi wilayah asal. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai yang bertukar wilayah sebelum 1hb Januari, 1988, yang menerima Elaun Penempatan Khas akan terus dibayar elaun tersebut secara "khas untuk penyandang" sehingga tamat tempoh penempatan mereka.

Mengenai teguran Yang Berhormat tentang sekatan perjalanan pegawai Semenanjung untuk menjalankan tugas di negeri Sabah dan Sarawak, ingin saya maklumkan bahawa Kerajaan tidak menyekat pegawai-pegawai Persekutuan dari Semenanjung menjalankan tugas melawat negeri Sabah dan Sarawak. Pemergian dan lawatan pegawai-pegawai dari Semenanjung ke negeri Sabah atau Sarawak bergantung kepada keperluan dan faedah kepada pemergian atau lawatan itu. Yang Berhormat berkenaan sendiri menyatakan ada pegawai-pegawai yang selalu pergi ke negeri Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan pertukaran pegawai-pegawai, ini adalah dilakukan

melalui program pertukaran pegawai Sarawak dengan Semenanjung dengan tujuan untuk mewujudkan integrasi nasional dengan lebih berkesan dan untuk mendalami perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan pembangunan. Umpamanya di bawah program ini beberapa orang pegawai daripada negeri Sarawak telah ditempatkan di Pejabat Daerah di beberapa negeri di Semenanjung dan beberapa orang Pegawai Persekutuan telah ditempatkan di Bahagian-bahagian tertentu di Sarawak. Pada ketika ini urusan penempatan yang sama juga sedang dirundingkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dengan pentadbiran negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marudu meminta supaya rakyat Malaysia yang berasal dari Sabah menduduki jawatan-jawatan di Jabatan Persekutuan di negeri Sabah kerana jawatan-jawatan tersebut boleh diisi oleh rakyat dari negeri Sabah. Yang Berhormat tersebut juga menyatakan daripada 10,000 jawatan Kumpulan C dan D hanya 3,108 orang sahaja disandang oleh rakyat dari negeri Sabah.

Saya suka maklumkan bahawa pengisian jawatan-jawatan Persekutuan di Sabah adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang memenuhi syarat-syarat pengambilan ke perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan. Pada amalannya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hanya mengiklankan kekosongan jawatan-jawatan dalam Kumpulan C dan D di Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah dalam akhbar-akhbar tempatan di negeri Sabah sahaja. Dengan ini peluang rakyat Sabah memohon dan dilantik ke jawatan tersebut adalah lebih baik. Di sini ingin saya tegaskan bahawa bilangan kakitangan Kumpulan C dan D yang disandang oleh rakyat dari Sabah adalah seramai 11,603 orang iaitu 98%

dari jumlah keseluruhan jawatan Persekutuan tersebut di Sabah. Oleh yang demikian, kenyataan Yang Berhormat itu adalah tidak tepat.

Yang Berhormat dari Pasir Mas menegur mengenai persaraan pilihan bagi kakitangan awam yang akan menjejaskan pembayaran pinjaman perumahan bagi mereka yang tidak berkemampuan.

Persaraan pada umur 40 tahun bagi kakitangan Kerajaan yang dicadangkan itu bukanlah bererti Kerajaan akan memaksa kakitangan Kerajaan bersara atau melepaskan pekerjaan dengan terburu-buru seperti ditohmahkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas. Ianya bertujuan untuk memberi peluang kepada kakitangan Kerajaan mencebur diri dalam sektor swasta sama ada sebagai pekerja ataupun menjalankan perniagaan sendiri setelah berkhidmat dengan Kerajaan hingga meningkat usia 40 tahun. Itupun jika mereka berminat. Jika tidak berminat, mereka boleh terus berkhidmat dengan Kerajaan hingga mencapai umur 55 tahun untuk bersara seperti biasa.

Dengan membuka peluang kepada kakitangan untuk bersara atas pilihan sendiri lebih awal, Kerajaan yakin bahawa mereka yang berminat dan berupaya menjalankan perusahaan dan perniagaan akan dapat menambah pendapatan dan mempertingkatkan taraf hidup mereka hasil dari kegiatan ekonomi yang mereka jalankan. Ini seterusnya akan dapat pula membuka lebih banyak lagi peluang pekerjaan kepada mereka yang menganggur dan sedikit sebanyak membantu memperteguhkan ekonomi negara.

Di samping itu, persaraan lebih awal itu merupakan satu pendekatan untuk memperkembangkan perkhidmatan awam yang saiznya sekarang ini didapati terlalu besar terutamanya di peringkat Kumpulan B, C dan D. Sebab itulah cadangan supaya pilihan untuk bersara pada umur 40 tahun itu

diutamakan kepada kakitangan dalam Kumpulan B, C dan D, manakala Kumpulan A hanya boleh bersara pada usia tersebut apabila disokong oleh Ketua Jabatan.

Cadangan ini juga adalah selaras dengan dasar dan program per-swastaan yang dilaksanakan sekarang dengan tujuan supaya peranan sektor swasta menjadi lebih besar dan penting di dalam pembangunan negara. Dengan demikian, perkhidmatan awam tidak lagi akan menjadi sumber utama untuk peluang-peluang pekerjaan dan belanjawan Kerajaan bagi membayar emolumen akan dengan sendirinya menjadi lebih kecil dan akan membolehkan Kerajaan mempertingkatkan lagi belanjawan untuk pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Terap meminta supaya Kerajaan mengkaji semula Skim Pegawai-pegawai Profesional agar lebih menarik. Kerajaan memang sentiasa mengambil berat ke atas kepentingan perkhidmatan profesional dan teknikal dalam sektor awam. Sehubungan dengan itu, syarat-syarat perkhidmatan bagi golongan profesional dan teknikal telah pun diperbaiki dari masa ke semasa. Kerajaan akan terus memberi penekanan, di mana sesuai, kepada golongan profesional dan teknikal di masa hadapan, khusus dalam perkhidmatan awam. Kerajaan tidak mengamalkan dasar bayaran gaji yang sama antara sektor awam dengan sektor swasta kerana matlamat kedua-dua sektor ini berbeza. Oleh yang demikian, perbandingan dengan pengurus-pengurus syarikat swasta adalah tidak sesuai.

Yang Berhormat dari Ampang Jaya menyentuh mengenai pemberian biasiswa, dermasiswa dan pinjaman dan mencadangkan kriteria mengikut merit dijadikan kriteria utama dan juga berdasarkan kepada latar-belakang

ekonomi seseorang tanpa mengira kaum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya menjelaskan bahawa Kerajaan telah pun menyediakan dasar dan garis panduan dalam pemberian biasiswa dan pinjaman. Pemberian biasiswa khususnya kepada pelajar-pelajar adalah berdasarkan kecemerlangan keputusan peperiksaan mereka dan mengikut bidang-bidang pengajian atau kursus keutamaan yang diperlukan oleh negara di bawah rancangan-rancangan tertentu. Di samping itu, pelajar-pelajar juga dikehendaki memenuhi syarat-syarat atau kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh pihak penganjur dari masa ke semasa. Di antara syarat-syarat kriteria pemilihan tersebut adalah kematangan fikiran, peribadi dan sikap yang positif, berdisiplin dan tingkahlaku yang baik serta pemegang-pemegang biasiswa tersebut kelak dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan selama tempoh yang ditetapkan. Pemberian biasiswa itu adalah berdasarkan permohonan dan temuduga.

Bagi pelajar-pelajar yang tidak ditawarkan biasiswa mereka bolehlah ditawarkan pinjaman jika memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang tertentu yang ditetapkan. Di antara dasar atau kriteria yang dipakai sekarang ialah pencapaian akademik mereka dan latarbelakang sosio-ekonomi keluarga pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar yang ditawarkan pinjaman tersebut dikehendaki membayar balik pinjaman yang telah diterima sama ada 100% ataupun hinggalah diturunkan kepada 25% sahaja setelah menamatkan pengajian kelak. Di samping itu, suka saya menjelaskan bahawa mulai tahun 1987, Kerajaan tidak lagi mengeluarkan dermasiswa kepada pelajar-pelajar baru yang melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri.

Yang Berhormat dari Marudu meminta Kerajaan membantu rakyat dari Sabah yang memerlukan bantuan pendidikan kerana pada masa ini kebanyakan pelajar-pelajar Sabah hanya mendapat bantuan biasiswa dan pinjaman dari Kerajaan Negeri atau Yayasan Sabah.

Adalah dimaklumkan bahawa setiap tahun JPA telah menawarkan biasiswa mahupun pinjaman kepada semua pelajar, termasuk pelajar-pelajar dari Sabah yang melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan dan luar negeri. Penawaran biasiswa mahupun pinjaman ini adalah dibuat secara pertandingan terbuka kepada pelajar-pelajar yang mempunyai kelulusan peperiksaan yang cemerlang dan memenuhi syarat-syarat serta kriteria lain yang ditetapkan dari masa ke semasa, tanpa menetapkan kuota mengikut negeri pelajar-pelajar.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap. Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, mengenai pinjaman kepada pelajar sama ada dalam negeri mahupun luar negeri dalam kaitan pengangguran ataupun belum dapat kerja atau lambat dapat kerja. Masalah kepada penjamin-penjamin yang bilamana pelajar ini tamat, mereka dikehendaki membayar balik pinjaman. Satu ketika dahulu kita tidak menghadapi masalah kerana setelah mendapat ijazah ataupun diploma mereka ini biasanya dapat kerja dan dapat membayar balik pinjaman. Jadi dalam masalah ini apakah Kerajaan dapat memberi kelonggaran terutamanya kepada penjamin-penjamin yang saya rasa sebahagian besar terlibat Wakil-wakil Rakyat yang pada satu ketika dahulu

menjamin pelajar-pelajar. Kadangkang kita menerima notis daripada pejabat peguam untuk membayar balik kerana dari segi peraturan memang kita terpaksa membayar balik dan agak berat dan rumit kepada Wakil Rakyat untuk membayar balik, tambahan pendapatan yang tidak mencukupi untuk membayar balik kepada pelajar-pelajar yang tidak boleh membayar kerana tidak dapat pekerjaan. Saya minta penjelasan daripada pihak Kerajaan atau Timbalan Menteri berkenaan. Terima kasih.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanah Merah. Untuk makluman kepada Dewan yang mulia ini, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan memang menuntut balik segala pinjaman-pinjaman yang telah diberikan kepada pelajar-pelajar tetapi Kerajaan memberi kelonggaran bahawa pembayaran ini dibuat apabila pelajar-pelajar ini telahpun mendapat pekerjaan dan ini bolehlah dirundingkan. Yang menyebabkan kita menghantar surat-surat melalui peguam ialah apabila kita dapati dari kalangan mereka ini yang sudahpun mendapat pekerjaan tetapi ingin mengelak daripada membayar hutang yang telah mereka dapat daripada Kerajaan. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Safin: Sedikit penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, sebab ini berlaku kepada saya sendiri di mana pelajar itu belum dapat pekerjaan tetapi dapat notis saman daripada pejabat peguam untuk membayar balik. Jadi kalau perkara ini boleh dapat pengecualian daripada Yang Berhormat ataupun pihak Kerajaan dalam perkara ini, saya ingin mendapat kepastian. Terima kasih.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Saya ingat untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini bolehlah dirujukkan kepada Jabatan

Perkhidmatan Awam dan saya percaya ini boleh dibincangkan supaya kita dapat membantu mereka yang menghadapi masalah ini. Tetapi saya ingin tegaskan bahawa yang berhutang itu hutang jugalah, melainkan ada masalah-masalah tertentu yang dapat dipertimbang untuk dikecualikan dan memang Kerajaan telahpun mengecualikan setengah-setengah daripada mereka daripada membayar, ini termasuklah mereka yang lulus daripada universiti yang tidak ditawarkan kerja oleh Kerajaan.

Untuk menyambung, Tuan Yang di-Pertua, pemberian biasiswa hanyalah kepada pelajar-pelajar yang mempunyai kelulusan peperiksaan yang cemerlang dan mengikuti bidang-bidang pengajian atau kursus-kursus keutamaan yang diperlukan negara di bawah rancangan-rancangan latihan yang tertentu. Walau bagaimanapun, peruntukan biasiswa ini adalah kecil sahaja, iaitu sebanyak 20% daripada peruntukan kewangan bagi program-program latihan pendidikan selaras dengan dasar nisbah peruntukan yang dilaksanakan sekarang, iaitu 20% biasiswa dan 80% pinjaman. Jika sekiranya pelajar-pelajar dari Sabah ini tidak layak ditawarkan biasiswa JPA, mereka mungkin layak ditawarkan pinjaman pula jika memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang ditetapkan seperti pencapaian akademik dan latar-belakang sosio-ekonomi keluarga pelajar-pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong meminta supaya Badan Pencegah Rasuah (BPR) diberikan sepenuh kuasa dan kebebasan mengikut undang-undang yang sedia ada untuk bertindak dengan tegas dan berkesan dan mencegah rasuah serta penyelewengan di semua peringkat masyarakat di dalam negara. Golongan ahli-ahli politik sama ada dari peringkat rendah hinggalah ke peringkat yang tertinggi tidak terkecuali dari perhatian dan tindakan BPR.

Sebagaimana termaklum dan pernah ditegaskan beberapa kali, bahawa keberkesanan usaha-usaha dan tindakan-tindakan pihak BPR untuk menyiasat, menangkap dan mendakwa orang-orang yang melakukan rasuah adalah bergantung besar kepada sokongan dan kerjasama dari orang ramai dalam memberi maklumat serta sanggup menjadi saksi untuk memberi keterangan di mahkamah agar orang-orang yang terlibat itu dapat dihukum setimpal dengan perbuatan yang telah mereka lakukan. Oleh yang demikian, undang-undang yang ada tidak dapat dikuatkuasakan dengan berkesan kerana keterangan-keterangan tidak cukup untuk membawa pesalah-pesalah ke muka pengadilan.

Pihak Pembangkang memang gemar memberikan gambaran-gambaran yang serong dan mengelirukan dengan mendakwa bahawa rasuah berleluasa berlaku di kalangan ahli-ahli politik dan terdapat Menteri yang hidup kaya-raya, dengan niat supaya rakyat menganggap bahawa kekayaan itu berpunca dari amalan rasuah. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat benar-benar pasti serta jujur tentang dakwaan-dakwaan tersebut, Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan seharusnya membuat laporan rasmi kepada pihak berkuasa serta bersedia menjadi saksi agar tindakan sewajarnya dapat diambil dan janganlah gunakan Dewan yang mulia ini untuk menaburkan fitnah.

Yang Berhormat dari Pasir Mas meminta supaya BPR menyiasat mengenai kelebihan pembayaran kepada kontraktor yang membaik-pulih Lebuhraya Timur-Barat. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan sedang dalam perhatian pihak BPR.

Yang Berhormat dari Sandakan membangkitkan tentang laporan-laporan mengenai rasuah kepada BPR

Sabah yang melibatkan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan ahli-ahli politik. Beliau seterusnya menggesa supaya hasil-hasil penyiasatan diumumkan untuk mengelakkan keraguan rakyat terhadap Kerajaan. Daripada laporan-laporan yang diterima, sebanyak 39 kes rasuah yang melibat ahli-ahli politik Sabah telah disiasat oleh BPR dalam tempoh lima tahun kebelakangan iaitu dari tahun 1985 hinggalah bulan September 1989. Hasil siasatan berakhir dengan dua orang ahli politik yang berkedudukan tinggi telah ditangkap dan dibicarakan di Mahkamah. Sebanyak 18 kes tidak diambil tindakan lanjut kerana hasil siasatan mendapati tidak ada sebarang kesalahan rasuah berlaku mengikut peruntukan undang-undang yang ada. Sementara itu, sebanyak 21 kes rasuah masih lagi disiasat.

Yang Berhormat dari Bandar Kuching membangkitkan tentang perlunya Badan Pencegah Rasuah mengambil tindakan untuk menyiasat sama ada penyalahgunaan kuasa atau rasuah telah dilakukan oleh mereka yang mendapat konsesi kayu di Negeri Sarawak. Badan Pencegah Rasuah sentiasa bersedia mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa sahaja yang didapati melakukan rasuah mengikut undang-undang negara. Oleh yang demikian, sekiranya Ahli Yang Berhormat berkenaan mengaku seorang warganegara yang bertanggungjawab, Ahli Yang Berhormat yang mempunyai maklumat dan fakta-fakta yang sahih sepatutnya menghubungi pejabat BPR dan membuat laporan rasmi serta sanggup menjadi saksi BPR di Mahkamah. Pihak BPR tidak akan dapat mengambil tindakan yang berkesan tanpa keterangan yang sahih atau hanya berdasarkan kepada tohmah yang samar.

Yang Berhormat dari Pasar Mas meminta supaya Jawatankuasa Anti Penyelewengan yang dipengerusikan

oleh Menteri Pendidikan membuat penyiasatan terhadap beberapa pemimpin Kerajaan yang terlibat dengan beberapa skandal. Untuk makluman, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah agak umum. Walau bagaimanapun, elok juga diterangkan bahawa Jawatankuasa Khas Kabinet ini adalah bertujuan untuk mencari jalan bagi mengelakkan penyelewengan dalam pengurusan Kerajaan dan memastikan tindakan tatatertib diambil secara berkesan. Jawatankuasa ini tidak ada kuasa untuk menyiasat, menangkap mahupun mendakwa. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengkaji sistem pengurusan Kerajaan dan mencadangkan langkah-langkah baru yang lebih berkesan bagi meningkatkan kesedaran terhadap akauntabiliti dan mengelakkan berlakunya penyelewengan dalam pengurusan Kerajaan. Setakat ini banyak perakuan-perakuan dan cadangan Jawatankuasa ini telah dipersetujui oleh Kerajaan dan telah dilaksanakan oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab. Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa Jawatankuasa ini bukanlah merupakan badan penyiasat sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, sekiranya benar sepertimana yang dituduh oleh Yang Berhormat itu, maka badan yang sesuai dan layak untuk membuat penyiasatan ialah BPR, dan bukanlah Jawatankuasa Mengenai Pengurusan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan mengenai pelaksanaan proses Islamisasi dalam bidang pentadbiran, ekonomi, undang-undang dan sistem pendidikan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini. Ingin saya jelaskan bahawa Kerajaan telah menetapkan bahawa rancangan penerapan nilai-nilai Islam telah menjadi dasar kepada Kerajaan

sekarang yang mana menitikberatkan tentang nilai-nilai murni perlu diamalkan oleh segenap peringkat pentadbiran negara. Konsep penerapan nilai-nilai Islam sebenarnya merupakan bimbingan pembentukan akhlak yang berfaedah dan berfungsi dalam kehidupan setiap rakyat menuju ke arah ketinggian maruah di samping menanam nilai-nilai yang murni dan membangun ke dalam pentadbiran negara sebagai satu jaminan yang diamanahkan dengan tanggungjawab pemerintahan yang berteraskan keyakinan dan keimanan. Oleh itu, penghayatan daripada nilai-nilai akhlak yang murni dan membangun akan dapat memudahkan usaha-usaha untuk memajukan berbagai-bagai bidang yang diperlukan oleh sesebuah negara seperti kesihatan, pelajaran, ekonomi, pembangunan, undang-undang dan sebagainya Kerajaan tidaklah menggunakan istilah Islamisasi dalam hal ini.

Di sini ingin saya tegaskan bahawa nilai-nilai Islam sebenarnya adalah menjadi asas kepada bidang-bidang yang diperlukan oleh sebuah negara seperti ekonomi, perundangan dan sebagainya dan bukanlah bidang-bidang tersebut menjadi asas kepada nilai-nilai Islam. Penegasan ini perlu dibuat untuk menghilangkan kekeliruan yang timbul di setengah kalangan anggota masyarakat negara ini yang cuba menekankan kepada aspek undang-undang apabila disebutkan nilai-nilai Islam. Undang-undang dan juga bidang-bidang lain yang seumpamanya adalah memerlukan kepada aspek-aspek nilai terlebih dahulu. Oleh itu, Kerajaan mengambil inisiatif untuk membuat penekanan kepada nilai sebagai perkara yang utama.

Amalan yang berlaku sekarang ini berikutan daripada dasar penerapan nilai-nilai Islam bukannya bermaksud untuk memaksa orang-orang bukan Islam. Berhubung dengan kenyataan

Yang Berhormat dari Tanjong mengenai dasar sekular termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, suka dinyatakan bahawa dasar sekular tidak termaktub sebagaimana didakwakan oleh Yang Berhormat berkenaan, tetapi sebaliknya Islam sebagai agama Persekutuan jelas sekali termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan iaitu "Islam sebagai agama Persekutuan". Oleh itu, amat wajar dan selayaknya bagi Kerajaan memberikan penekanan ke arah menjamin Islam berjalan menurut yang selayak dan sepatutnya mengikut Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat dari Hulu Selangor supaya Hari Thaipusam dijadikan hari cuti am bagi Wilayah Persekutuan, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap—ada yang minta jalan. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, boleh.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya minta penjelasan mengenai apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai nilai-nilai Islam. Saya hendak tahu apakah pendirian pihak Kerajaan Persekutuan mengenai undang-undang yang baru digubalkan di Negeri Selangor iaitu Enakmen Perundangan Pentadbiran Islam, di mana kanak-kanak yang mencapai umur baligh dibenarkan memeluk agama Islam tanpa menghiraukan sama ada ibubapa mereka benarkan atau tidak. Ini adalah satu perkara yang penting kerana kalau perkara ini dibenarkan berlaku, ini menunjukkan bahawa Malaysia menuju ke arah sebuah negara Islam dan Islamisasi dilaksanakan secara terpaksa terhadap

kaum yang bukan Islam di negara kami. Terima kasih.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya berkenaan dengan undang-undang Negeri Selangor itu kita serahkan diselesaikan di Negeri Selangor. Kedua, dakwaan berkenaan dengan paksaan, saya nafi sama sekali ini berlaku. Kalau Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti bahawa paksaan berlaku, silalah buat laporan kepada pihak-pihak berkenaan supaya tindakan-tindakan untuk membetulkan keadaan, kerana dalam negara kita

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: memang sentiasa kita menyebut

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Biar saya menjawab dahulu soalan yang tadi. Kerana dalam negara kita, sentiasa kita tegaskan bahawa Kerajaan memang mengamalkan sistem bebas, di mana setiap warganegara boleh mengamalkan agama-agama mereka yang bersendirian. Tidak berbangkit berkenaan dengan paksaan. Saya ingat perkara itu jangan disebut-sebut sebab inilah yang selalu sebutkan bahawa pihak Pembangkang selalu membangkitkan masalah-masalah yang boleh mengelirukan rakyat dan membangkitkan perasaan-perasaan perkauman dan juga perasaan keagamaan yang begitu keliru yang boleh mendorongkan mereka bertelagah sesama sendiri dan membangkitkan keadaan kacau bilau di dalam negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Melaka. Nanti Yang Berhormat. Sebenarnya masalah tidak selesai lagi.

Selepas ini boleh beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa masalah undang-undang Islam di Selangor diserahkan kepada negeri Selangor, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa beliau telah mengadakan satu penyelesaian mengenai krisis Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam di Selangor itu. Dan saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh lari daripada menjawab perkara ini dengan menyatakan bahawa perkara ini adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri, kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyatakan bahawa ada satu penyelesaian dan kalau boleh dijelaskan apakah penyelesaian yang telah dilakukan itu.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang seperti ini yang digubal di negeri Selangor, seperti yang saya nyatakan tadi nampaknya memaksa, seperti undang-undang yang memaksa kaum yang bukan Islam menerima satu dasar atau satu nilai yang asing daripada mereka, seperti dari segi Islam, nilai-nilai dalam agama Islam tidak boleh diterima oleh kaum bukan Islam kerana ini tidak merupakan kepercayaan mereka. Oleh itu, kalaulah agama Islam membenarkan seorang kanak-kanak memeluk agama Islam apabila ia mencapai umur baligh iaitu mungkin seawal 9 tahun untuk seorang gadis dan umur 12 tahun untuk kanak-kanak lelaki tanpa keizinan atau kebenaran ibubapa mereka, saya rasa ini adalah merupakan satu perampasan atau pencabulan hak asasi ibubapa yang bukan Islam.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Ahli Yang Berhormat itu nampaknya kurang termaklum apa

yang saya sebutkan tadi. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan undang-undang yang dibuat di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor itu terpaksa diselesaikan di Selangor sendiri, bukan dalam Dewan ini dan kita mempunyai undang-undang negara yang tertentu dan apabila Yang Amat Berhormat menyatakan bahawa perkara ini akan diselesaikan, maka sebagaimana saya sebutkan tadi hendaklah diselesaikan di tempat yang tertentu, bukan di dalam Dewan ini. Jadi, pertanyaan mengenai dengan paksaan, saya ingat tidak berbangkit langsung berkenaan dengan paksaan itu. Sebagaimana saya katakan, memaksa ini bererti kita ambil orang asing dan kita paksa atas sebab-sebab tertentu. Melainkan Ahli Yang Berhormat sendiri tidak memahami tentang apakah makna paksaan itu.

Tentang nilai-nilai Islam yang tidak boleh diterima oleh orang bukan Islam, saya ingat ini pun tak betul. Mungkin dari segi pemahaman, dari segi keimanan, itu mungkin tidak boleh diterima, tetapi berkenaan nilai-nilai yang saya sebutkan yang kita anjurkan, sungguhpun disebutkan sebagai nilai Islam, sebenarnya adalah nilai-nilai sejagat seperti berbuat baik, sifat-sifat amanah. Ahli Yang Berhormat sendiri pun, saya dengar kadang-kadang setuju, kadang-kadang tidak, dalam Dewan ini menyarankan supaya semua wakil-wakil rakyat dan rakyat umum mendukung nilai-nilai murni ini. Jadi, saya ingat ini tidaklah bercanggah dengan apa-apa yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, boleh beri jalan?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Baiklah.

Tuan Zubir bin Embong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Saya

tertarik dengan apa yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga penerangan yang dibuat oleh Timbalan Menteri. Apakah kedudukan Islam sebenarnya dalam negara kita, dari segi Perlembagaan, walaupun Islam itu disebut sebagai Agama Rasmi negara mengikut Perkara 3 Perlembagaan negara, tetapi apakah sebenarnya kedudukan Islam dalam negara kita kerana ada undang-undang yang kadang-kadang bertentangan dengan undang-undang Islam, tetapi dianggapkan sebagai undang-undang negara. Itu perkata pertama.

Yang kedua, kalau ada negeri-negeri yang meluluskan mana-mana undang-undang kerana dianggap Islam itu sebagai bidangkuasa Negeri, tetapi kalau ianya bertentangan dengan Perlembagaan Negara, maka dengan sendirinya undang-undang yang diluluskan oleh badan perundangan Negeri dalam bidang agama Islam tadi yang bertentangan dengan Perlembagaan dengan sendirinya akan terbatal setakat mana ianya bertentangan. Jadi, merujuk kepada apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai undang-undang Islam yang baru diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor, apakah pandangan Kerajaan kerana pada pemikiran saya, undang-undang itu diluluskan kerana terlibat sebagai peruntukan undang-undang Islam perse dan dia tidak mengambil kira pemikiran untuk meletakkan paksaan kepada orang-orang bukan Islam, kerana apakah pernah berlaku di dalam sejarah tanahair kita, kanak-kanak perempuan yang berumur 9 tahun ataupun yang berumur 12 tahun bagi lelaki, pernah dipaksa memeluk agama Islam? Apakah kes seperti ini pernah berlaku pada masyarakat bukan Islam di negara kita? Dan apakah Kerajaan mengalami perkara-perkara seperti ini dan apakah ia tidak

diterangkan kepada mereka yang bukan Islam?

Yang ketiga, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, menggambarkan bahawa sikap dan salah faham beliau terhadap Islam sebenarnya, kerana seolah-olah terlibat bahawa Islam dari satu kacamata sebagai satu agama yang barbarious, yang menekan dan mengecam, yang mengambil hak asasi manusia yang kononnya sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi. Apakah sebenarnya sebab musabab sehingga terjadi salah faham yang begitu rupa kepada orang-orang bukan Islam, sedangkan kalau dikaji dan dibaca serta diteliti ajaran Islam, sebenarnya suatu ajaran yang universal, suatu ajaran yang diterima dan tidak ada tamaddun dan tidak ada manusia pun di dalam dunia ini yang mengatakan bahawa Islam itu tidak baik. Hatta orang-orang bukan Islam sendiri, penulis-penulis Barat sekalipun sebagaimana yang disebutkan oleh Hamilton, Gibbs, "Islam is not merely a religion but a complete civilization". Apakah sikap dan tindakan Kerajaan untuk menerangkan dan menjelaskan tentang kedudukan Islam sebenarnya supaya ia tidak disalah-erti sebagaimana yang telah dicerminkan dan diserlahkan oleh pemikiran yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Sebenarnya penerangan berkenaan dengan agama Islam sentiasa dibuat oleh Kerajaan melalui media massa khususnya t.v., radio dan sebagainya, memang ceramah-ceramah dan kursus diadakan. Saya percaya, sebagaimana saya sebutkan tadi, apabila saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, ada pihak-pihak yang sengaja mempamerkan pandangan

terhadap agama Islam secara buruk. Jadi, itu menakutkan orang-orang yang tidak memahami agama Islam ini.

Jadi, tentang pertanyaan Ahli Yang Berhormat, tidakkah pernah orang-orang bukan Islam yang di bawah umur yang kita sebutkan itu memeluk Islam, saya ingat ini bukanlah perkara baru. Saya sendiri mengetahui bahawa ada anak-anak orang bukan Islam yang diserahkan kepada keluarga orang Islam dan dibesarkan sebagai keluarga orang Islam dan ini berlaku dengan biasa. Saya ingat tidaklah membangkitkan masalah-masalah tertentu.

Jadi, tentang apakah sebenarnya kedudukan agama Islam dalam negara ini, saya ingat di sini sudah jelas di mana disebutkan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan dan tindakan-tindakan untuk memberi makna kepada Islam sebagai Agama Persekutuan memang telahpun diambil dan sungguhpun ada seperti mana Yang Berhormat sebutkan, ada undang-undang yang bercanggah dengan kehendak Islam, dan ini sudah pun diambil tindakan oleh Kerajaan. Sudah dibuat kajian supaya menapis-kan undang-undang yang bercanggah dengan Islam, supaya tindak-tindakan membetulkan usaha ini diperbuat pada masa-masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuah Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bagaimana dan sejauh mana Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan tentang usaha ini. Soal Undang-undang yang telah diluluskan di dalam Dewan Undangan

Negeri Selangor hanya merupakan permainan dan merupakan usaha-usaha menarik sentimen agama demi kepentingan politik pihak tertentu sedangkan di dalam masa yang sama mereka ini seolah-olah mahu menerima pembentukan sebuah negara Islam.

Contohnya, di satu tempat perjumpaan, Yang Berhormat Kota Melaka berada di sebelah Dato Manan Othman dari Semangat 46, Yang Berhormat Ibrahim Ali, Ketua Pemuda Semangat 46, Bakar Chik, Ketua Pemuda PAS di satu tempat (*menunjukkan gambar*) di gambar ini. Sejauh mana Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan bahawa usaha ini untuk menarik sentimen keagamaan masyarakat Malaysia sedangkan mereka ini berpura-pura untuk menerima konsep ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanah Merah kerana menarik perhatian kepada sandiwara yang sedang dimainkan oleh beberapa golongan ini (*Tepuk*). Memanglah sebagaimana kita termaklum, ada kumpulan yang hari ini ada mengatakan mereka mahu mewujudkan negara Islam. Yang sebenarnya sebagaimana kita termaklum, konsep negara Islam itu pun kalau kita bertanya kepada mereka pun, masih samar-samar. Kalau kita bertanya, bagaimanakah coraknya negara Islam, mereka kata itu di dalam idaman mereka. Jadi ada pihak pula, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat saudara saya daripada Tanah Merah, mengatakan mereka ini menolak sama sekali negara Islam tetapi sekali gus sebagaimana saya katakan, mengadakan sandiwara membayangkan seolah-olah mereka ini menyokong

pembentukan negara Islam demi menarikkan perasaan sentimen orang-orang yang menyokong.

Jadi jelaslah kepada kita bahawa kumpulan-kumpulan ini terutamanya menjelang pilihanraya ini sentiasa mengadakan sandiwara di sana sini. Tadi, sebagaimana Yang Berhormat tunjukkan gambar itu, pemain-pemain sandiwara yang nampaknya cukup aktif sekarang ini. Jadi saudara.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Lagi seorang pemain! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menegaskan di sini bahawa pendirian DAP adalah menentang dengan sekeras-kerasnya penubuhan sebuah negara Islam, dan fitnah dan tohmahan yang dilemparkan terhadap saya sendiri dan kepada DAP adalah tidak benar sekali.

Kami bukanlah serupa MCA yang menyokong Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam dan mengatakan hendak membuat satu "motion", satu usul, di Negeri Selangor untuk menarik balik dan memansuhkan Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam, tetapi tidak dibuat oleh MCA. Ini adalah sandiwara yang sebenar daripada Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Melaka, itu bukan minta penjelasan, Yang Berhormat buat statement itu.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, sebelum saya meminta penjelasan, kerana seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi bahawa kami dari DAP menyokong sebuah negara Islam, itu tidak benar sama sekali.

Tetapi saya hendak memberitahu Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa MCA menyokong penubuhan negara Islam, itu benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan di sini bahawa saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa nilai-nilai halus daripada agama Islam adalah nilai-nilai sejagat yang boleh diterima oleh manusia di segala lapisan sama ada di timur, di barat atau daripada berbagai kaum. Tetapi yang penting sekali ialah bahawa nilai keimanan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tidak boleh disalurkan atau dikenakan secara paksa terhadap mereka yang bukan Islam kerana ini merupakan satu perkara kepercayaan. Apa yang saya tegaskan tadi ialah bahawa sama ada Kerajaan bersetuju bahawa ibu-bapa ibu-bapa yang bukan Islam tidak mempunyai kuasa langsung untuk menentukan sama ada anak mereka boleh memeluk agama Islam atau tidak. Itu merupakan perkara yang asas, perkara yang penting dan saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah pendirian Kerajaan terhadap perkara ini? Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu juga bertanya sama ada Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan—sama ada ya atau tidak. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada satu penyelesaian. Apakah penyelesaian itu. Kita tidak boleh lari daripada kenyataan ini dengan menyatakan bahawa penyelesaian telah dibuat dengan cara-cara yang tertentu, tetapi enggan memberikan butir-butir lanjut mengenai perkara ini. Saya hendak menegaskan sekali lagi perkara yang asas sama ada ibu-bapa ibu-bapa mempunyai hak, mempunyai kuasa terhadap anak-anak mereka sendiri kerana mengikut apa yang digubal

dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam ibu-bapa ibu-bapa tidak ada hak terhadap anak-anak mereka ketika mereka mencapai umur baligh, iaitu seperti yang saya katakan tadi, bagi seorang kanak-kanak gadis, sembilan tahun dan kanak-kanak lelaki dua belas tahun.

Ini merupakan satu perkara pokok kerana insidan telah berlaku di Kelantan dan di beberapa tempat lain di mana kanak-kanak di bawah umur 18 tahun memeluk agama Islam tanpa kebenaran ibu-bapa mereka, dan ini merupakan beberapa kes mahkamah di mana kanak-kanak tersebut dibawa balik ke pangkuan ibu bapa mereka dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri janganlah lari daripada permintaan untuk memberikan penjelasan. Terima kasih.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana pertamanya mengatakan beliau ini sebagai anggota DAP menentang penubuhan negara Islam. Ini betul atau tidak tidak tahulah, tetapi sebagai Yang Berhormat daripada Tanah Merah menyebutkan tadi, nampaknya penafian ini dibuat dalam Dewan sahaja tetapi di luar Dewan nampaknya sandiwara berjalan terus.

Tentang penerimaan nilai-nilai Islam sebagai nilai sejagat, saya berterima kasih juga di atas penjelasannya kerana pada peringkat mula tadi Yang Berhormat bercakap itu nampaknya tidak terima, tetapi sekarang ini sudah menerima nilai-nilai Islam ini sebagai yang baik. Sungguhpun begitu saya tegaskan juga dalam jawapan atau penjelasan saya bahawa kita tidak memaksakan tentang kepercayaan atau keimanan. Tidak ada niat langsung di kalangan kita untuk menjalankan pemaksaan kepada perkara-perkara ini.

Tentang Yang Berhormat membangkitkan berulang kali hendak minta saya jawabkan ya ataupun

tidak berkenaan dengan ibu-bapa mempunyai hak kuasa ke atas anak-anak mereka, saya ingat saya sebutkan tadi bahawa walaupun ada perkara-perkara ini dibangkitkan di dalam Dewan-dewan tertentu, maka akan diselesaikan di peringkat yang tertentu. Kita mempunyai Undang-undang yang tertentu di dalam negara ini dan saya percaya Yang Berhormat pun amat jelas dalam hal ini. Tentang takrif akhil baligh ini pun, saya percaya kalau Yang Berhormat baca, ianya bukan terhad kepada umur sembilan ataupun dua belas tahun, ia ada syarat-syarat yang lain yang memenuhi berkenaan dengan akhil baligh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat eloklah kita teruskan kepada jawapan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat dari Ulu Selangor supaya Hari Thaipusam dijadikan hari cuti am bagi Wilayah Persekutuan, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengisytiharkan Hari Thaipusam sebagai cuti am Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah membangkitkan mengenai hari kelepasan am diberi kepada Wilayah Persekutuan.....

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap. Hendak beri jalan atau tidak kepada Yang Berhormat dari Hulu Selangor?

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberi penjelasan sebab apa Hari Thaipusam tidak boleh dijadikan sebagai hari cuti am bagi Wilayah Persekutuan?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, ini telah pun dipertimbangkan oleh Kerajaan dan diputuskan bahawa sebagaimana saya sebutkan Thaipusam belum lagi hendak dijadikan cuti am. Jadi saya ingat bukanlah tempatnya untuk saya memberi penjelasan.

Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah membangkitkan mengenai hari kelepasan yang diberikan kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja sempena upacara Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini dan tidak diisytiharkan sebagai hari kelepasan am seluruh negara. Ini berlainan dengan pengumuman hari kelepasan am seluruh negara bagi meraikan kejayaan Malaysia dalam Sukan SEA.

Suka saya memaklumkan bahawa hari kelepasan am sempena upacara Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dihadkan di Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan adalah bertujuan untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam upacara tersebut dan juga bagi mengelakkan berlakunya kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur pada hari itu.

Mengenai cuti umum bagi keseluruhan negara seperti kejayaan kita dalam Sukan SEA, suka saya menjelaskan bahawa cuti tersebut adalah untuk memberi penghargaan kepada seluruh rakyat atas kerjasama dan sokongan mereka menayakan beberapa acara Sukan SEA seperti larian obor dan penghormatan kepada para peserta sukan negara yang menunjukkan kecemerlangan dalam sukan tersebut.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti

sekejap, Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam bangun.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Sila.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa sambutan yang diberikan kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berbeza dengan kejayaan kita dalam Sukan SEA. Saya tidak nampak di mana perbezaan ini begitu ketara sekali kerana semasa kita berjaya dalam Sukan SEA hanya yang terlibat mereka-mereka yang mengambil bahagian dan rakyat hanya berbangga atas kejayaan ini, rakyat juga hanya menonton daripada kaca TV. Begitulah juga sebaliknya dalam perayaan perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita juga menyaksikan istiadat yang penuh warna-warni ini, penuh bersejarah ini menerusi kaca TV; dan yang terlibat adalah mereka-mereka yang mengambil bahagian. Tidak jauh berbeza dengan Sukan SEA. Kerana acara ini sungguh bersejarah, 5 tahun sekali; jadi itulah saya mencadangkan kenapa tidak diberi cuti umum kerana perlantikan Agong bukanlah hak Wilayah Persekutuan, bukanlah hak negeri tertentu sahaja tetapi merupakan Ketua Negara bagi Malaysia. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat mempunyai dan saya percaya Yang Berhormat mempunyai pandangan-pandangan tertentu. Saya menjelaskan tentang keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan. Insya Allah, saya ingat kalau Yang Berhormat dapat mencadangkan di masa yang akan datang perkara ini boleh dipertimbangkan semula oleh Kerajaan oleh kerana sebagaimana

Yang Berhormat mengatakan ini melibatkan rakyat keseluruhannya. Saya ingat mungkin ada dari segi-segi yang tertentu yang boleh dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marudu, Gaya, Kota Belud dan lain-lain membangkitkan masalah pendatang haram di negeri Sabah. Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan satu pasukan petugas khas Persekutuan untuk mengendalikan masalah tersebut. Objektif pasukan ini ialah untuk memastikan pengurusan pengendalian dan penyelesaian masalah tersebut dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu, terancang dan berkesan. Ini adalah untuk kepentingan nasional demi menjamin keselamatan negara dan mengekalkan keharmonian serta kesejahteraan rakyat. Pada masa ini pegawai-pegawai dari pasukan khas tersebut sedang merancang langkah-langkah yang bersesuaian ke arah pencapaian matlamat yang ditetapkan. Dengan kerjasama dan sokongan semua pihak yang berkenaan saya percaya pasukan ini akan dapat memenuhi tanggungjawab dengan lebih lancar dan berkesan.

Yang Berhormat dari Pasir Mas membangkitkan mengenai cadangan hendak menambak laut dan beliau meminta supaya dikaji dengan teliti projek ini supaya ianya tidak mengalami kegagalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek tebusguna tanah masih berada dalam peringkat perancangan. Satu kajian secara mendalam sedang dijalankan untuk memastikan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan baik. Sebuah jawatankuasa mengenai kajian kemungkinan tebusguna tanah di Pantai Barat Semenanjung telah diwujudkan dan diketuai oleh

Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ampang Jaya mengenai ramai cendekiawan dan intelektual dari negara ini berhijrah ke negara-negara lain dan berlakunya "brain drain" akan merugikan negara, di sini saya ingin menjelaskan bahawa perkara ini telah pun dijawab di dalam pertanyaan mulut pada 6-11-89.

Di samping itu juga, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan mengenai pendaftar pemilih yang menggunakan kad pengenalan palsu yang berlakunya pertindihan nama di dalam pendaftar pemilih. Perkara ini juga telah dijelaskan oleh Jabatan ini semasa pertanyaan mulut sebelum ini.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Muar bahawa masih ada pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak ber-simpati dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera dan menganggapkan usahawan bumiputera hanya mengganggu apabila datang ke pejabat-pejabat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kenyataan sebagaimana yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Muar itu bahawa masih terdapat pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak ber-simpati dengan masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera. Kerajaan melalui beberapa agensinya sentiasa berusaha untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera melalui pelbagai program seperti program latihan dan khidmat nasihat, penyediaan infrastruktur, kemudahan kewangan, bantuan pemasaran, penyelidikan dan pemberian kontrak. Umpamanya, MARA sejak tahun 1981 telah menyediakan kemudahan latihan dan khidmat nasihat kepada lebih daripada 85,000 peserta. Manakala Pusat Daya Pengeluaran Negara pula telah berjaya melatih lebih daripada 13,000 peserta sejak tahun 1983.

Dalam pemberian kontrak pula sebanyak 10,175 kontrak ataupun 62.6% dengan jumlah nilai \$6,372 juta iaitu 41% telah ditawarkan oleh Jabatan Kerjaraya kepada usahawan bumiputera bagi tempoh 1973 hingga 1988. Sementara kemudahan pinjaman kewangan yang diberi kepada bumiputera di bawah Skim Jaminan Kredit adalah berjumlah \$869.4 juta dengan 81,002 pengusaha bumiputera mendapat faedah sehingga tahun 1987.

Bagi memastikan semua kemudahan untuk usahawan diberikan dengan berkesan pihak Kerajaan telah menyediakan kemudahan latihan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam pembangunan usahawan terutama dalam aspek-aspek pengurusan, perancangan dan pembangunan industri kecil. Adalah tidak dapat dinafikan terdapat masalah-masalah usahawan bumiputera yang di luar kemampuan pegawai-pegawai Kerajaan berkenaan untuk menyelesaikannya. Kebanyakan kes ini timbul daripada kelemahan usahawan sendiri misalnya dari segi pengurusan kewangan yang kurang bijak, sikap usahawan yang sentiasa menyalahkan orang lain sementara menutup kelemahan mereka sendiri, sementara Kerajaan cuba membantu usahawan-usahawan bumiputera, mereka juga harus memahami hasrat Kerajaan untuk membantu mereka supaya lebih berdaya maju.

Yang Berhormat dari Seputeh telah membangkitkan terdapatnya parti pemerintah menggunakan kemudahan-kemudahan Kerajaan di dalam berkempen pilihanraya. Sehubungan itu juga beliau juga membangkitkan ramai pengundi tidak dapat mengundi kerana kurang publisiti mengenai tempat mereka mengundi. Sehubungan dengan itu juga beliau mencadangkan supaya dimestikan semua pengundi yang layak membuang undi mereka dan dijadikan hari mengundi sebagai hari kelepasan am.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa mereka menggunakan kemudahan-kemudahan dan peruntukan Kerajaan semasa kempen pilihanraya. Semua urusan-urusan tersebut adalah dibuat atas urusan rasmi yang telah diaturkan oleh jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan. Mengenai usaha-usaha publisiti adalah dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya akan menyediakan kemudahan mikro komputer di Pejabat Pilihanraya Negeri supaya pengundi-pengundi boleh menyemak akan tempat mengundi mereka di Pejabat Pilihanraya Negeri dan ini akan dapat mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Usaha-usaha ini telah dijalankan semasa pilihanraya di Ampang Jaya dan Bentong dan ianya didapati amat berkesan sekali. Cadangan Yang Berhormat mengenai dimestikan mereka mengundi pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memaksa semua pengundi yang layak pergi mengundi.

Yang Berhormat dari Arau telah membangkitkan mengenai perlantikan Ketua Pembangkang serta elaun yang berkenaan bagi Ketua Pembangkang. Di sini ingin saya menjelaskan sebenarnya elaun yang dibayar kepada Ketua Pembangkang ialah \$2,000 bukan \$2,500 seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu. Pembayaran elaun ini telah diamalkan sejak tahun 1959 lagi dan di bawah peruntukan, dengan izin, Parliament Members Remuneration Act 1960. Semasa pembayaran elaun ini diamalkan ianya hanya ditawarkan sebanyak \$1,000 dan kenaikan elaun tersebut pada \$2,000 dibuat di bawah Akta 237 Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Mengenai perlantikan Ketua Pembangkang, pada masa ini tidak ada dalam Akta, Peraturan atau Convention cara mana perlantikan itu dilaksanakan. Namun demikian, perlantikan Ketua Pembangkang yang

dibuat pada masa ini adalah berdasarkan kepada cadangan nama yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Pembangkang sendiri dengan mengemukakan nama-nama calon melalui borang yang disediakan oleh Parlimen. Mengenai bilik pejabat Ketua Pembangkang yang disediakan, ini merupakan amalan biasa di mana Ketua Pembangkang dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan semasa menjadi Ketua Pembangkang.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Saya minta penjelasan sedikit. Saya tertarik dengan penjelasan mengatakan bahawa tidak ada prosedur tertentu mengenai perantikan Ketua Pembangkang kecuali nama-nama itu dicadangkan oleh Ahli-ahli lain daripada pihak Pembangkang. Penjelasan, apakah daripada parti PAS dan Semangat 46 juga mencalonkan Yang Berhormat dari Tanjong untuk menjadi Ketua Pembangkang?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak termaklum berkenaan dengan prosedur ataupun tindakan yang telah diambil, adakah kumpulan Semangat 46 dan PAS juga mencadangkan Ketua Pembangkang. Tetapi nampaknya tidak ada bantahan daripada Ahli-ahli Pembangkang ataupun pasukan yang lain. Nampaknya mereka bersetuju, walaupun mereka tidak dicalonkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa tugas dan bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri adalah terlalu luas dan saya mungkin tidak berkesempatan menjawab setengah-setengah perkara yang dibangkitkan

semasa menggulung perbahasan ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara-perkara tersebut telah diambil kira dan akan mendapat perhatian dari jabatan ini.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kerana mengemukakan pandangan-pandangan dan syor-syor yang berguna yang menyentuh tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Perkara-perkara tersebut akan dijadikan panduan dalam menggubal dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Dalam Negeri.

5.23 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menggulung bagi pihak Kementerian Dalam Negeri.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia bagi pihak, Yang Berhormat.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:saya bagi pihak beliau, mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas pandangan serta syor-syor mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri semasa perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan 1990.

Pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan meliputi beberapa perkara dan di antaranya mengenai tahanan ISA, pendatang haram, kebajikan anggota polis,

pelarian banduan-banduan, kemasukan orang-orang asing dan kebajikan Orang-orang Asli. Saya akan cuba menjawab kemuskilan-kemuskilan itu dalam masa yang diperuntukkan untuk saya.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyebutkan masalah perumahan dan elaun perumahan bagi anggota polis yang bertugas di Kuala Lumpur. Kerajaan memang menyedari masalah yang dihadapi itu dan telahpun mengambil langkah-langkah tertentu. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah membina lebih banyak rumah-rumah atau flet-flet untuk pegawai-pegawai dan anggota-anggota polis. Di samping itu flet-flet swasta telahpun dibeli untuk dijadikan rumah anggota-anggota polis berpangkat rendah.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah mempersoalkan keperluan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam Operasi Lalang yang mengatakan bahawa penangkapan dan penahanan yang dibuat tidak ada hubungan langsung dengan keselamatan negara. Soal Operasi Lalang itu telah berkali-kali dijelaskan di Dewan yang mulia ini, malahan Kertas Putih yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan telah dengan jelasnya menerangkan mengapa perlunya penangkapan dan penahanan itu dibuat di bawah Operasi Lalang. Oleh itu saya tidak bercadang untuk memanjangkan lagi oleh kerana perkara ini telah berlaku dua tahun yang lalu dan penjelasan-penjelasan yang telah diberikan itu sudah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penahanan Lim Nyuk Sung @ Freddy Lim di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gaya, sukalah saya menegaskan bahawa memanglah benar bahawa Lim Nyuk Sung telahpun ditangkap di bawah seksyen 73 (1) Akta Keselamatan

Dalam Negeri pada 18hb Ogos, 1989. Beliau seterusnya dikenakan perintah tahanan di bawah seksyen 8 Akta itu pada 14hb Oktober, 1989. Penahanan beliau di bawah Akta yang berkenaan dibuat setelah terdapat bukti-bukti bahawa beliau terlibat dalam menjalankan kegiatan-kegiatan yang memudaratkan kehidupan ekonomi. Oleh kerana terdapat beberapa orang lain lagi yang sedang dalam siasatan polis pada masa ini, maka saya tidaklah dapat memberikan nama-nama mereka yang ada kaitan dalam kegiatan ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri itu kurang mendalami hal-hal dalam negeri kerana jawapan itu kurang tepat. Kalau sudah ada bukti-bukti orang yang tersebut itu memudaratkan keselamatan negara, mengapa beliau tidak diharapkan ke mahkamah? Itu cara yang lebih baik untuk mengatasi masalah seperti ini.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat sebentar tadi yang mengatakan, walaupun saya ditugaskan di Kementerian Luar, saya kurang alim tentang Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawasanya, sebelum kita mengetahui dasar luar Malaysia, kita mesti mengenali dan memahami masalah dasar dalam negeri (*Tepuk*). Dari situlah kita dapat membentuk dasar luar. Tanpa pengetahuan dalam masalah dalaman. Kerajaan tidak boleh membuat dasar berkenaan dengan luar negeri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu, hujah-hujah mengenai Operasi lalang ini kurang tepat kerana beliau langsung tidak tahu mengenai apakah dia Operasi Lalang yang menahan orang yang tidak berdosa dengan hanya kerana

mengkritik Kerajaan sahaja. Itu beliau kurang faham, Tuan Yang di-Pertua. Kalau begitu, saya berharap beliau mengaturkan lebih masa untuk mendalami perkara hal ehwal dalam negeri ini.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkejutlah bahawa Ahli Pembangkang sendiri tidak tahu tentang sebab-sebab mengapa Kerajaan terpaksa melaksanakan Operasi Lalang. Malah sudah bertahun-tahun, berpuluh-puluh kali mungkin, pihak Kerajaan menerangkan dan memberi berbagai-bagai jawapan, malah Kertas Putih pun telah dikeluarkan di Dewan yang mulia ini. Adakah Yang Berhormat dari DAP itu tidak membaca langsung Kertas Putih dan tidak mendengarkah hujah-hujah yang dibawa oleh berbagai pemimpin beberapa kali di masa yang telah lampau?

Itu sebab tidak perlu. Perkara ini berlaku dua tahun yang lepas dan kalau hendak buat satu buku sudah boleh buat daripada penjelasan yang Kerajaan buat terhadap Operasi Lalang. Maka tidak perlulah kita hendak hebahkan dan memanjangkan perkara itu kerana perkara itu sudah lapuk.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang tentang peristiwa yang berlaku kepada Menteri Besar Selangor baru-baru ini, sukalah saya memaklumkan bahawa pihak polis sedang menjalankan siasatan yang rapi ke atas perkara tersebut. Suka juga saya memberi jaminan di sini bahawa pihak polis akan terus mengambil tindakan-tindakan mengikut lunas undang-undang terhadap sesiapa sahaja yang bertindak mengikut sesuka hati mereka tanpa menghiraukan kehendak undang-undang negara ini.

Berhubung dengan isu banduan yang melarikan diri dari penjara-penjara, sukalah saya menarik perhatian Dewan ini bahawa Kerajaan memandang berat dalam perkara ini dan akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan lagi kawalan keselamatan di penjara-penjara. Sekiranya ada didapati bahawa pegawai-pegawai penjara yang cuai atau menyeleweng maka tindakan tegas undang-undang atau tatatertib akan diambil ke atas mereka.

Menyetuh tentang elaun anggota-anggota polis semasa bertugas di persidangan CHOGM sebagaimana yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, sukalah saya memaklumkan bahawa semua anggota polis yang bertugas itu adalah menjalankan tugas rasmi dan dengan hal yang demikian mereka yang berkenaan diberi elaun-elaun yang sewajarnya mengikut kelayakan masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Maran menyuarakan kebimbangan mengenai kebajikan masalah orang-orang Asli dan mencadangkan supaya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar atau Kementerian Kemajuan Tanah. Walaupun ketika ini ia terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri, ianya tidak bermakna Kerajaan mengabaikan tanggungjawabnya untuk memajukan Orang-orang Asli. Sebenarnya, pada masa ini usaha-usaha untuk memajukan kedudukan sosio-ekonomi dan meningkatkan taraf hidup orang Asli dilaksanakan oleh Kerajaan dengan cara yang lebih bersepadu. Ini bererti Kerajaan tidaklah sama sekali mengabaikan masyarakat orang Asli, tetapi sebaliknya tumpuan yang lebih baik diberikan dalam semua aspek kehidupan mereka.

Berhubung dengan pembinaan pondok polis untuk mengatasi masalah dadah, sukalah saya. . . .

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan sedikitlah, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai Orang Asli ini, di kawasan saya ramai Orang Asli, tidak ramailah, ada sejumlah tertentu dan mengenai kebajikan Orang Asli kita mengalu-alukan langkah Kerajaan. Cuma satu masalah yang berlaku di mana Orang Asli itu tidak mempunyai kad pengenalan di mana di dalam pendaftaran, mereka ini namanya kadang-kadang boleh berubah-ubah, kemudian lari masuk hutan dan keluar balik dan sebagainya. Apakah Kerajaan atau Kementerian bercadang untuk mengadakan kad pengenalan kepada Orang Asli untuk memudahkan di segi mengesan mereka dalam usaha-usaha meningkatkan Orang Asli ini sebagai bahan rujukan di segi kad pengenalan mereka seperti Orang-orang Asli dalam negara ini. Terima kasih.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Kerajaan memang sedar ada di antara mereka yang datangnya dari Orang Asli, malah di Sabah dan Sarawak pun timbul yang belum mempunyai kad-kad pengenalan. Sebentar nanti Yang Berhormat kita akan jawab ada bab berkenaan selepas ini berkenaan orang-orang tertentu yang tidak mendapat lagi kad pengenalan.

Saya ulang balik, Tuan Yang di-Pertua, sebab tersangkut di tengah jalan tadi. Berhubung dengan pembinaan pondok polis untuk mengatasi masalah dadah, sukalah saya memaklumkan bahawa pembinaan pondok polis di sesuatu tempat adalah berdasarkan kepada

keperluan dan pembinaan pondok-pondok polis tidak semestinya menjamin masalah-masalah dadah dapat diatasi. Sesungguhnya demikian, jika keadaan memerlukan di sesuatu kampung maka pihak polis akan menambahkan rondaan dan pemeriksaan selain daripada lawatan oleh anggota-anggota sektor ataupun beat. Selain dari itu, kerjasama orang ramai atau penduduk-penduduk di kawasan yang berkenaan dalam memberi maklumat atas kegiatan dadah juga perlu dipertingkatkan dan sangat berguna kepada pihak polis untuk membanteraskan kegiatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pendaftaran lewat surat beranak dan kad pengenalan — ini ada berkenaan dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang. Kerajaan memang berusaha untuk memudahkan penduduk-penduduk di luar bandar, khasnya di Sarawak dan juga di lain-lain tempat, memiliki dokumen surat beranak dan kad pengenalan. Justeru itu, berbagai-bagai langkah telah diambil termasuklah:

- (1) Mengatur perkhidmatan pendaftaran bergerak ke kawasan-kawasan pendalaman dan ke kawasan-kawasan yang mempunyai ramai penduduk yang tidak mempunyai sijil kelahiran ataupun kad pengenalan;
- (2) mendapatkan kerjasama dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri untuk mengumpul maklumat mengenai kelahiran; dan
- (3) memaklumkan kepada orang ramai mengenai kepentingan memiliki sijil kelahiran dan kad pengenalan.

Usaha-usaha di atas telah menampakkan hasil yang menggalakkan. Dalam tempoh tahun 1986 hingga

1988, sebanyak 30,749 permohonan sijil pendaftaran kelahiran lewat telah diterima oleh JPN Sarawak. Dari jumlah tersebut, sebanyak 17,967 iaitu 58.4% telahpun diluluskan manakala selebihnya masih dalam pertimbangan. Sekiranya Yang Berhormat dari Tanah Merah berkehendakan 'detail' tentang masalah Orang Asli di Kelantan khususnya, bolehlah menghantar permohonan kepada Kementerian Dalam Negeri. Saya percaya mereka ada butir-butir yang dapat diberikan kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara masalah pendatang tanpa izin di Sabah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Belud dan Gaya, Kerajaan Persekutuan telahpun mengambil tindakan ke atas membanteraskan masalah pendatang tanpa izin di Sabah secara khusus. Satu Pasukan Petugas Khas yang dianggotai oleh berbagai agensi Kerajaan yang berkenaan sudahpun ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk mengatasi perkara tersebut. Kerajaan Persekutuan memang sedar tentang implikasi masalah ini ke atas ketenteraman awam atau keselamatan negara. Kerajaan memang memberi perhatian khusus kepada kebimbangan Kerajaan Negeri Sabah di atas isu pendatang tanpa izin ini.

Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Labuan.

Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit: Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua. Labuan tidak terkecuali daripada masalah pendatang haram ataupun pelarian Filipina ini tetapi tidak kurang daripada 5,000 orang-orang Filipina berada di Labuan ketika ini. Apa yang menjadi persoalan ialah saya kira pada dua tahun yang lepas satu Pasukan Petugas

Khas 7 ataupun Task Force 7 telahpun diwujudkan di Labuan dan telahpun selesai membuat kajian dan saya kira tentulah penyelesaian telahpun diterima. Persoalannya ialah apakah "findings" ataupun penemuan yang dibuat oleh Pasukan Petugas Khas 7 ini tidak diterima ataupun sebaliknya dan hari ini kita dengar satu lagi Pasukan Petugas Khas diwujudkan untuk tujuan yang sama. Jadi, di mana kesilapannya tentang masalah ini?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembedaan sedikit.

Sebenarnya Task Force yang dihantar pergi ke Labuan itu serupa seperti dengan Petugas Khas yang baru dibentuk tahun sudah sahaja, ianya lebih menyeluruh, lebih berkuasa untuk menentukan apakah tindakan yang akan disyorkan kepada Kerajaan bagi mengatasi masalah pendatang tanpa izin di Sabah. Saya kira dalam masa yang singkat lagi kita akan dapat laporan daripada Pasukan Petugas Khas yang baru ditubuhkan ini, untuk menyelesaikan secara menyeluruh bukan sahaja di Labuan, malah di seluruh negeri Sabah supaya kita dapat mengatasi masalah pendatang tanpa izin ini di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, di samping Pasukan Petugas Khas menjalankan tugasnya di Sabah, Kementerian Dalam Negeri juga sentiasa mengambil tindakan melalui agensi-agensinya seperti Polis dan Jabatan Imigresen Malaysia untuk mencegah jenayah dan mengawal kemasukan pendatang tanpa izin atau mengusirkan mereka apabila dikesan. Dengan pengembelian pelbagai agensi-agensi Kerajaan itu, saya yakin masalah pendatang tanpa izin dapat dikendalikan dengan berkesan oleh Pasukan Petugas Khas ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Puchong, Kerajaan akan mengambil perhatian di atas

gesaan supaya undang-undang dikuatkuasakan ke atas pendaatang tanpa izin dan majikan-majikan yang mengambil mereka bekerja tanpa kebenaran terlebih dahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang pun tindakan undang-undang diambil ke atas majikan yang tidak mematuhi Undang-undang Imigresen dan tindakan ini akan berterusan. Kerajaan akan menentukan mereka masuk dengan dokumen yang tertentu. Tindakan juga diambil untuk mencegah atau menghukum pendaatang tanpa izin yang melakukan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemasukan pelacur-pelacur asing ke Malaysia yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia sememangnya sentiasa mengawasi kemasukan orang asing ke Malaysia, termasuklah pelacur-pelacur agar kehadiran mereka tidak menimbulkan masalah baik dari segi ekonomi, sosial ataupun politik. Mereka yang menyalahgunakan pas yang diberikan akan dikenakan tindakan Undang-undang mengikut Akta Imigresen 1956/63.

Mengenai buku, dengan izin, 'Islam Tertindas' di Sabah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kimanis, sukalah dimaklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji isi kandungan buku tersebut, tindakan seterusnya adalah bergantung kepada keputusan kajian itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bagi pihak Kementerian Dalam Negeri ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran masing-masing mengenai beberapa dasar di

bawah bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri.

Saya telah cuba memberi penjelasan ke atas beberapa pandangan dan teguran tersebut. Bagi pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang tidak sempat dijawab dalam Dewan ini, saya memberi jaminan bahawa ianya akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perbincangan mengenai Dasar-dasar Am Belanjawan 1990, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 27-10-1989 yang lalu.

Saya suka memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya mengenai pembangunan di luar bandar termasuklah jalanraya, bekalan elektrik, bekalan air, rancangan pemuliharaan rumah dan perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian seperti MARA, FELCRA dan juga Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus mempergiatkan usaha pembangunan negara terutama sekali kawasan-kawasan luar bandar selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru bagi menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Penekanan yang lebih akan diberi kepada penyediaan kemudahan-kemudahan asas di luar bandar bagi meningkatkan lagi taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat luar bandar.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kimanis, Pasir Mas, Marudu, Kota Belud, Jerai, Ulu Rajang, Saratok, Rantau Panjang dan Parit Sulong masing-masing telah membangkitkan perkara-perkara mengenai jalan luar bandar. Kerajaan memang sedar keperluan sistem perhubungan yang lebih sempurna bagi penduduk luar bandar. Oleh sebab itu Kerajaan akan menambahkan lagi dan menaikkan taraf jalan luar bandar. Dalam Rancangan Malaysia Kelima sejumlah \$1,093 juta telah diperuntukkan kepada negeri-negeri bagi membina jalan dan jambatan di bawah Program Jalan Luar Bandar, Jalan Keselamatan dan menaikkan taraf Jalan Kampung dan Luar Bandar.

Untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai masalah mutu dan penyeliaan pembinaan jalan-jalan luar bandar, suka saya nyatakan bahawa kerosakan jalan-jalan tersebut adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti penggunaan yang lasak, beban yang lebih had ketahanan jalan, asas—jalan atau foundation yang tidak kukuh dan pembinaan yang tidak sempurna. Kementerian ini akan mengawasi masalah-masalah tersebut seperti penyeliaan dan pembinaan jalan-jalan luar bandar dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar mengenai keperluan terhadap sistem perhubungan jalan luar bandar yang lengkap dan baik untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi penduduk negeri Sabah dan Sarawak. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima negeri Sabah dan Sarawak telah diperuntukkan sebanyak \$31.8 juta dan Sarawak \$32.9 juta. Dengan peruntukan ini bermakna negeri Sabah dan Sarawak di bawah

Rancangan Malaysia Kelima menduduki tempat kelima dan keenam tertinggi berbanding dengan lain-lain negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Belud dan Saratok telah membangkitkan masalah peruntukan yang lebih adil bagi penyeliaan jalan-jalan di luar bandar untuk Sabah dan Sarawak. Kementerian akan terus memberi perhatian terhadap kemudahan jalan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, oleh kerana kedudukan kampung-kampung di Sabah dan Sarawak terletak terpencil dan jauh di pedalaman, kos bagi mengadakan kemudahan tersebut terlalu tinggi. Namun demikian Kerajaan akan terus berusaha untuk mengadakan kemudahan tersebut peringkat demi peringkat. Selain dari itu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, beberapa kriteria pemilihan juga digunakan bagi menentukan keutamaan semasa meluluskan projek-projek jalan luar bandar seperti berikut:

- (i) kepadatan penduduk di sepanjang jalan berkenaan;
- (ii) peratus pekebun-pekebun kecil dan kawasan pertanian dalam jarak 2.5 kilometer di kiri kanan jalan yang dicadangkan; dan
- (iii) kos sekilometer jalan.

Di samping itu, pengagihan peruntukan kepada negeri-negeri bergantung kepada agensi pelaksana iaitu JKR negeri itu sendiri dalam membelanjakan peruntukan. Keupayaan agensi pelaksana dinilai dari segi prestasi kewangan dan fizikal pada tiap-tiap tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam liputan tahun 1986 sehingga 1989, prestasi kewangan negeri Sabah ialah 41%, manakala Sarawak pula ialah 31.8%.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Saratok supaya Kerajaan merancang peruntukan untuk jalan-jalan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan seterusnya memberi peruntukan yang lebih tinggi kepada Negeri Sarawak dan Sabah, Kerajaan akan mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kimanis, Ulu Rajang dan Kapit masing-masing telah menyentuh mengenai bekalan elektrik dan air luar bandar. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima peruntukan untuk bekalan air luar bandar bagi negeri Sabah ialah \$4.6 juta dan Sarawak \$14 juta manakala bekalan elektrik. . . .

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanah Merah!

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertunggu mengenai soal luar bandar tadi kalau ada penjelasan, tetapi nampaknya saya perlu bertanya sedikit tentang pembinaan jalan-jalan luar bandar dan saya teringat kepada satu konsep, di mana kita pernah menggunakan simen sebagai bahan untuk penggunaan jalan-jalan di luar bandar atau di perkampungan-perkampungan tradisi. Jadi, soalnya sejauhmana pembinaan dengan menggunakan simen ini diteruskan ataupun berkesan di segi kekukuhan jalan-jalan luar bandar itu yang saya dapati dan seperti diterangkan memang mudah rosak.

Keduanya, konsep gotong-royong pembinaan di mana konsep yang dibuat di kawasan saya melalui penggunaan simen itu diberi kepada satu Koperasi Pembangunan Daerah Gotong-Royong (KPDGR) dan ianya memanfaatkan dari segi jalan itu sendiri dan juga kepada Koperasi di segi keuntungan sedikit sebanyak. Saya

ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian pernah menggalakkan supaya jalan-jalan kampung dibina daripada simen dan ini dilaksanakan sewaktu harga simen begitu murah sekali. Tetapi di akhir-akhir ini harga simen telah meningkat dan kita dapati bahawa membina jalan simen lebih mahal daripada membina jalan menggunakan tar.

Berkenaan dengan gotong-royong, ini terpulang kepada kebijaksanaan Pegawai-pegawai Daerah dan Kementerian memang menggalakkan supaya jalan-jalan kampung yang di bawah \$50,000 dibina secara gotong-royong, tetapi ini terpulang kepada kebijaksanaan Pegawai Daerah oleh kerana untuk kita melaksanakan jalan-jalan ini secara gotong-royong ianya memerlukan penyeliaan yang lebih rapi daripada Pejabat Daerah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelima sebagaimana saya sebutkan tadi, untuk bekalan air luar bandar bagi negeri Sabah ialah \$4.6 juta dan Sarawak \$14 juta, manakala bekalan elektrik luar bandar pula, peruntukan yang disediakan ialah \$15 juta bagi Sabah dan \$30 juta bagi Sarawak. Ini membuktikan bahawa Kerajaan peka dengan kehendak rakyat dan bersedia memberi peruntukan dengan seberapa yang adil dan setakat yang mampu. Kerajaan memang sedar bahawa kemudahan bekalan air dan elektrik luar bandar adalah sangat-sangat diperlukan oleh rakyat luar bandar dalam meningkatkan taraf kesihatan dan mutu hidup penduduk luar bandar, tetapi pelaksanaan projek ini terpaksa dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan Kerajaan. Kampung-kampung di Sabah dan Sarawak terletak terpencil jauh dan berselerak di pedalaman. Oleh itu

adalah sukar untuk melaksanakan projek dalam masa yang cepat memandangkan ia melibatkan peruntukan yang banyak, tetapi bilangan yang mendapat faedah adalah terlalu kecil.

Dalam hubungan ini, rakyat yang tinggal di kampung-kampung yang saiznya kecil dan terpencil, perlulah menyokong dan menyambut usaha-usaha Kerajaan berpindah ke kawasan-kawasan pertempatan yang dirancang oleh Kerajaan agar mereka tidak terus tertinggal dalam menikmati kemudahan asas ini. Di samping itu, bilangan kampung yang memerlukan kemudahan ini adalah banyak sedangkan peruntukan yang dapat disediakan adalah terhad.

Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mengadakan punca bekalan elektrik yang tidak berkait dengan national grid, antaranya elektrik berpunca dari sauna ataupun solar dan yang berpunca dari perjalanan air sungai. Percubaan akan dimulakan di Pulau Aur bagi sauna dan sekitarnya dan sekiranya usaha ini berjaya kampung-kampung terpencil di Sabah akan dibekalkan dengan kemudahan ini. Percubaan dengan menggunakan air sungai juga sedang dijalankan dan sekiranya ia berjaya, kampung-kampung terpencil di tepi sungai akan dapat dibekalkan kemudahan elektrik melalui sistem ini.

Mengenai kemusykilan Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud mengapa Kerajaan tidak menyediakan peruntukan bekalan elektrik kepada kawasan Kota Belud bagi tahun 1989, sukalah saya menjelaskan bahawa ini bukanlah disebabkan oleh Laporan Lembaga Letrik Sabah. Saya memberi jaminan bahawa pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan mengenai Program

Pemulihan Kampung dan mengesyorkan supaya bantuan pembinaan semula dan memperbaiki rumah ditambah. Sukalah saya jelaskan di sini bahawa Program Pemulihan Rumah ini adalah lanjutan daripada Program Pemulihan Kampung yang telah diadakan dalam tahun 1979 sehingga 1984. Program ini telah disusun semula dan dilancarkan secara bersepadu dan diberi kepada kumpulan sasaran iaitu golongan termiskin yang mana pendapatannya adalah kurang daripada \$175, rumah yang mereka diami adalah dalam keadaan daif dan tidak selamat.

Bagi Program Pembinaan Semula Rumah sebanyak \$2,000 diberikan bagi setiap rumah. Bantuan sebanyak \$2,000 bagi membina semula rumah ini memanglah tidak mencukupi sepertimana yang didakwa oleh Yang Berhormat itu, tetapi perlulah dinyatakan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan ini adalah merupakan subsidi Kerajaan untuk rakyat golongan termiskin untuk membeli bahan-bahan asas seperti tiang, bumbung, rasuh, kuda-kuda dan alang, manakala pembinaan semula rumah ini adalah dibuat secara gotong-royong dan sukarela. Untuk Program Pemulihan Rumah pula, bantuan yang diberi ialah \$1,000.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah telah meminta pihak Kerajaan menumpukan kepada Program Pembasmian Kemiskinan yang lebih konkrit, bukan setakat pembinaan kemudahan asas luar bandar sahaja tetapi kajian yang mendalam dan menyeluruh hendaklah dibuat secara berterusan. Kajian seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu belumlah ada tetapi Program Membasmi Kemiskinan Penduduk Luar Bandar bukan sahaja ditumpukan kepada penyediaan kemudahan asas dan membaikpulih rumah, tetapi secara amnya dalam usaha membasmi

kemiskinan, Kerajaan telah mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (1) elemen pertumbuhan ekonomi tidak dapat diasingkan daripada masalah pembasmian kemiskinan;
- (2) perbelanjaan yang diperuntukkan untuk mengatasi masalah tersebut adalah banyak; dan
- (3) usaha yang bersungguh-sungguh telah dirancang untuk mengenalpasti kawasan yang tertinggal oleh arus pembangunan dan juga mengambil kira isirumah dengan memberi bantuan terus kepada mereka.

Kemudahan asas dan kualiti hidup hendaklah dilihat sebagai saling berkait dan access kepada kemudahan pembelajaran, kesihatan dan pemakanan dititikberatkan bagi golongan ini. Sistem pentadbiran dan penyaluran agihan telah ditumpukan kepada keperluan persekitaran tempat dalam menentukan keutamaan. Penekanan yang lebih serius diberikan kepada pembangunan manusia sahaja sebagai langkah jangka panjang untuk hasil pengeluaran dan memberikan pendapatan yang tinggi kepada individu.

Yang Berhormat dari Kota Belud dan Jerai juga telah membangkitkan mengenai pendidikan pra-sekolah bagi kanak-kanak luar bandar dan mengadakan serta menyusun kelas-kelas pendidikan untuk orang-orang dewasa yang buta huruf. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menerusi Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) memang bercadang untuk mengadakan banyak lagi kelas-kelas pra-sekolah bagi kanak-kanak di kawasan luar bandar. Kelas-kelas pra-sekolah yang dibina melalui Taman Bimbingan Kanak-kanak pada masa ini berjumlah 4,639 yang menampung seramai 137,228 kanak-kanak yang berumur 5 hingga 6

tahun. Bilangan TBK adalah dijangka akan bertambah setelah 720 orang Pemaju Masyarakat, guru-guru TBK dapat dilatih pada tahun 1990 nanti. Bagi kelas pendidikan untuk orang-orang dewasa di negeri Sabah, Kementerian telah mewujudkan sebanyak 285 buah kelas yang melibatkan penyertaan seramai 8,929 orang dewasa. Pendidikan untuk orang dewasa ini dilakukan melalui aktiviti ekonomi rumahtangga, rancangan pedoman tugas, khutub-khanah desa dan kelas latihan kerja.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah meminta supaya institusi pengajian yang dianjurkan oleh MARA dibuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira kaum. Suka saya nyatakan adalah menjadi dasar MARA untuk menyediakan programnya kepada rakyat Malaysia yang bertaraf bumiputera. Ini sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan tahap sosio-ekonomi bumiputera yang masih lagi rendah berbanding dengan kaum-kaum lain supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Marudu berhubung dengan kurangnya tawaran biasiswa MARA kepada rakyat Sabah, suka saya jelaskan bahawa pemberian biasiswa MARA adalah terbuka kepada seluruh rakyat bumiputera Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak, tetapi tertakluk kepada beberapa syarat, antaranya ialah:

- (1) keutamaan adalah diberi kepada bidang-bidang profesional, sains dan teknikal; dan
- (2) calon-calon hendaklah mempunyai kelulusan akademik yang baik dan cemerlang.

Yang Berhormat dari Gaya telah membangkitkan mengenai masalah pendeposit-pendeposit Sabah Development Co-operative Society untuk mendapatkan kembali simpanan mereka. Mengenai perkara ini sukalah

saya nyatakan bahawa satu perbincangan akan diadakan tidak lama lagi antara Bank Negara, Kementerian Kewangan Sabah dan Jabatan Pembangunan Koperasi untuk mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah ini. Adalah diharapkan dengan langkah ini pendeposit-pendeposit tersebut tidak akan mengalami kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang cadangan Yang Berhormat dari Betong supaya FELCRA diperluaskan di negeri Sarawak, sukalah saya maklumkan bahawa FELCRA telah pun melaksanakan aktiviti penyatuan dan pemuliharaan tanah di negeri Sarawak semenjak tahun 1978 lagi. Di bahagian Sibu setakat ini FELCRA telah mengusahakan sebanyak 4 projek seluas 557 hektar dalam kawasan keselamatan RASCOM. Selain daripada itu, sebanyak 2 projek lagi seluas 222 hektar sedang dimajukan dalam tahun 1988-1989 dan satu projek seluas 1,000 hektar dicadangkan untuk dimajukan dalam tahun 1989-1990 di Bahagian ini. Di samping itu, 11 projek seluas 1,453 hektar di kawasan Kabung, Sri Aman, Serian dan Padawan telah dimajukan sejak tahun 1986, manakala sebanyak 11 buah projek lagi seluas 3,490 hektar akan dimajukan bagi kawasan-kawasan ini dalam tahun 1989-1990. Bagi kawasan Sarikei, Kuching dan Kapit pula sebanyak 11 projek seluas 3,490 hektar akan dimajukan dalam tahun 1989-1990. Cadangan untuk memajukan kawasan-kawasan lain di Sarawak bergantung kepada kesesuaian tanah, status pegangan yang bersih dari sebarang masalah pegangan dan hakmilik, anggaran pulangan yang menguntungkan kepada para peserta dan sesuai dimajukan dengan kos yang munasabah.

Yang Berhormat dari Maran telah meminta Kerajaan supaya bersungguh-sungguh mengatasi masalah tanah terbiar. Beliau juga mencadangkan

Jawatankuasa Bertindak Tanah Terbiar dan mengadakan seminar kebangsaan mengenai tanah terbiar. Berhubung dengan perkara ini FELCRA telah pun mempergiatkan usaha-usaha pemuliharaan tanah terbiar sejak tahun 1982 lagi dan sehingga kini kawasan seluas 148,241 hektar telah dimajukan. Dalam tahun 1990 adalah dijangkakan kawasan tanah terbiar seluas 25,000 hektar lagi akan dipulihkan. Mengenai Jawatankuasa Bertindak dan Seminar yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, adalah dirasakan belum lagi diperlukan pada masa ini memandangkan usaha-usaha yang aktif oleh FELCRA dan agensi-agensi lain dalam pemuliharaan tanah terbiar.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membangkitkan mengenai Rancangan FELCRA Nasarudin Bota, Perak. FELCRA telah melaksanakan dua jenis rancangan di kawasan Nasarudin Bota. Rancangan yang pertama ialah berbentuk rancangan pemuliharaan seluas 1,250 ekar. Maklumat lanjut mengenai rancangan ini seperti yang diminta oleh Yang Berhormat dari Parit adalah seperti berikut: kos pembangunan keseluruhan—\$3,162,762; kos bagi se-ekar—\$2,530; kos bagi seorang peserta—\$9,914.61; pulangan bagi setiap peserta sebulan—\$148.00; pulangan bagi setiap peserta setahun \$1,776. Bagi rancangan yang kedua, iaitu rancangan tanah belia, seluas 3,445 ekar. Maklumat-maklumat lanjut adalah seperti berikut: kos pembangunan keseluruhan—\$9,266,396; kos bagi seekar—\$2,689; kos bagi setiap peserta—\$26,890; pulangan bagi setiap peserta sebulan—\$709.42; pulangan bagi setiap peserta setahun—\$8,513.04.

Ahli Yang Berhormat dari Maran telah mencadangkan supaya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar

Bandar supaya perhatian sewajarnya dapat diberikan bagi meningkatkan lagi ekonomi dan taraf hidup mereka. Pada pandangan Kementerian, cadangan ini memanglah baik, tetapi dari segi program pembangunan luar bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah menyeluruh dan meliputi semua lapisan masyarakat luar bandar termasuk penduduk Orang Asli. Oleh itu sama ada Jabatan Orang Asli diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar atau tidak, tidaklah penting.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang melibatkan bidang kuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di atas cadangan, pandangan dan teguran yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Penerangan.

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan Kementerian Penerangan di sepanjang perbahasan dasar Belanjawan Tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah membuat beberapa komen tentang siaran muzik "rock" melalui Radio dan Televisyen Malaysia. RTM mengaturnya

supaya ianya sesuai bukan sahaja untuk golongan tua dan muda tetapi juga sesuai untuk penonton-penonton yang berada di bandar mahupun di luar bandar. Rancangan-rancangan hiburan yang disiarkan oleh RTM perlu diperbagaikan untuk memenuhi selera penonton-penonton tertentu atau "target group". Dengan menyiarkan beberapa rancangan yang bercorak rock bukanlah bermakna satu budaya "hippies" atau "rock culture" diutamakan kepada para penonton, khasnya di kalangan mudamudi. RTM tidak bermaksud mempopularkan muzik rock melalui media massa seperti Radio dan Televisyen dan hanya disiarkan muzik rock sebagai salah satu rancangan hiburan di antara berbagai-bagai rancangan yang disiarkan oleh RTM dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, RTM sentiasa mengkaji semula rancangan-rancangannya dan mendapat maklum balas supaya ianya dapat membina satu masyarakat Malaysia yang bermaklumat, sihat dan mempunyai semangat cinta pada negara.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah menyentuh tentang Rancangan TV3 yang merupakan satu badan swasta. Waktu siaran rancangan-rancangan TV3 pada hari-hari perayaan seperti Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali adalah ditentukan oleh TV3 sendiri dan tidak ada kena-mengena dengan RTM. Baik RTM ataupun TV3 masing-masing berusaha untuk menyiarkan rancangan-rancangan yang menarik dan sesuai pada masa-masa yang tertentu untuk memenuhi selera para penonton. Berkenaan dengan Rancangan Majalah, RTM sedar ianya tidak dapat memenuhi selera semua golongan penonton daripada segi kandungan dan masa siaran rancangan-rancangan tersebut. Oleh yang demikian, penyelidikan dan perubahan sentiasa dibuat kepada rancangan-rancangan terbitannya.

Tindakan tersebut diambil bukan sahaja untuk memperbaiki mutu kandungan persembahan siaran RTM, tetapi juga supaya skop rancangan terbitannya adalah lebih meluas lagi. Rancangan-rancangan majalah seperti "Tumpuan Minggu" dalam bahasa Tamil, "Skop" dalam bahasa Inggeris, "Fokus" dalam Bahasa Malaysia dan "Lembaran Minggu" dalam bahasa Mandarin, sudah begitu lama disiarkan. Rancangan-rancangan untuk rakyat berketurunan tertentu ini boleh membahagi-bahagikan masyarakat, padahal perkara-perkara yang disentuh itu adalah melibatkan semua masyarakat di Malaysia. Kerana itu Kementerian Penerangan berpendapat rancangan-rancangan yang berbentuk Majalah yang dikhaskan bagi satu-satu kaum tertentu dan menggunakan bahasa-bahasa kaum itu harus ditiadakan. Ini haruslah digantikan dengan rancangan-rancangan jenis yang sama tetapi mengandungi berbagai-bagai perkara mengenai semua kaum dengan menggunakan Bahasa Malaysia iaitu Bahasa Kebangsaan yang boleh menyatupadukan semua rakyat di tanahair kita. Dengan lain perkataan, Kementerian ingin mewujudkan rancangan Malaysia yang mengandungi unsur-unsur ilmu pengetahuan yang boleh ditonton dan dinikmati oleh semua keturunan untuk memupuk kesedaran bersama dan sama-sama berusaha untuk menyatupadukan rakyat dan mengatasi masalah-masalah tersebut.

Melalui rancangan tersebut sesuatu masalah atau kegiatan masyarakat seperti masyarakat India atau masyarakat dari keturunan lain akan didedahkan kepada semua kaum di Malaysia supaya mereka juga menyedari dan memahaminya. Ini adalah dirasakan lebih menguntungkan negara daripada segi perpaduan dan membina sikap toleransi di samping menumpukan perhatian mereka kepada isu-isu yang sama. Pendekatan ini telah menghasilkan

rancangan baru iaitu yang bertajuk "DIMENSI" yang disiarkan melalui RTM mulai dari 5hb Julai, 1989. Dalam pada itu masih banyak liputan mengenai kegiatan-kegiatan masyarakat keturunan tertentu telah dimasukkan ke dalam "Berita" dalam bahasa rakyat keturunan berkenaan. Begitulah halnya dengan perkara-perkara yang menyentuh masyarakat berketurunan India yang banyak dimuatkan dalam "Berita Tamil", umpamanya. Perkara-perkara itu akan diulangi lagi dalam Berita dan rancangan yang bercorak nasional untuk tatapan rakyat semua keturunan. Ini amatlah penting untuk memupuk perpaduan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pancaran televisyen yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat, dari Pensiangan, RTM sebenarnya mempunyai 9 buah pemancar di Negeri Sabah bagi tujuan pemancaran di seluruh negeri. Pemancar-pemancar tersebut hanya dapat membuat liputan untuk sebahagian daripada kawasan Negeri Sabah. RTM memang mempunyai rancangan jangka masa yang panjang untuk memanjangkan kemudahan siaran kepada kawasan-kawasan pedalaman di Sabah termasuk di Pensiangan iaitu dengan mendirikan pemancar-pemancar yang sesuai di tempat-tempat strategik secara berperingkat-peringkat. Tetapi Kerajaan tidak dapat melaksanakan sekarang kerana ianya akan memakan belanja yang begitu besar.

Ahli Yang Berhormat, dari Parit telah menyentuh tentang TVRO yang dikendalikan oleh RTM. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat berkenaan implikasi beban yang berat yang mungkin ditanggung oleh pengguna dan juga pihak Kerajaan jika sekiranya Kerajaan mengambil keputusan untuk mengimplementasikan sistem DBS atau Direct Broadcast Satellite melalui RTM. Tetapi walau macam manapun,

setakat ini Kerajaan belum membuat sebarang keputusan untuk mengambil langkah ini untuk mengimplementasikan DBS ke seluruh tanahair. Dan untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, perkara ini masih lagi dalam kajian dan tidaklah dapat saya terangkan bila Kerajaan akan memutuskan sama ada DBS akan diteruskan atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja yang dapat saya sampaikan daripada Kementerian Penerangan dan sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sebanyak sedikit perkara yang ada hubungkaitnya dengan Jabatan Penerangan dan kalau yang tidak saya mohon maaf. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Perusahaan Utama.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, patut kita tangguhkan kerana tidak ada orang hendak menjawab bagi pihak Kerajaan dan ini satu kecauan yang besar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Pengangkutan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pengangkutan ada, tetapi saya ingat giliran saya bertukar dengan Kementerian Penerangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Atau pun Kementerian Perusahaan Utama.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Kalau dibenarkan, saya boleh, saya bersedia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau sedia, silakan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): (*Masuk Dewan*)

Seorang Ahli: Sudah ada.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ini tidak ada apa-apa, Yang Berhormat. Ini giliran sahaja, kita boleh ubahkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak ada orang yang hendak jawab.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Ada.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian mana ini?

Dato' Alias bin Md. Ali: Kementerian Perusahaan Utama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Okay.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf oleh kerana jadual sebenarnya telah berubah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sedar Yang Berhormat, ada sedikit perubahan, boleh jadi tidak diketahui oleh Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat telah bersedia, silakan sekarang.

Dato' Alias bin Md. Ali: Boleh. Tuan Yang di-Pertua,

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, cara-cara untuk Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab

nampaknya kelim-kabut sedikit. Apakah cara yang baru, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau ada point of order, sebutkan nombor point of order.

Dr Tan Seng Giaw: Point of order untuk mententeramkan Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Point of order nombor berapa, Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Tidak adalah itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau tidak ada, Yang Berhormat Timbalan Menteri, silakan.

6.15 ptg.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat, Pagoh, Pensiangan, Ulu Rajang dan Bandar Kuching yang telah membangkitkan beberapa perkara berkait dengan tanggungjawab Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang telah membangkitkan soal perusahaan lada hitam. Memang benar kajian telah dijalankan oleh ESCAP atau, dengan izin, Economic and Social Commission for Asia and Pacific, telah mencadangkan supaya satu sistem penstabilan harga yang dikenali dengan National Price-Supply Management Scheme, dengan izin, untuk lada hitam. Skim tersebut mencadangkan supaya negara-negara anggota International Pepper Community, dengan izin, yang terdiri dari Brazil, India, Indonesia dan Malaysia mewujudkan satu badan di setiap negara masing-masing untuk membeli lada hitam dari petani sebanyak lebih kurang 30% daripada jumlah pengeluaran dengan harga yang munasabah dan ditentukan oleh Kerajaan masing-masing.

Badan berkenaan dicadangkan memproses dan kemudiannya menjual kepada pengeksport-pengeksport lada hitam untuk dieksport. Kajian itu juga mencadangkan supaya pengeksport-pengeksport lada dikenakan syarat melalui peruntukan undang-undang untuk membeli lada hitam dari badan berkenaan yang bertindak sebagai "buffer stock". Cadangan ini telah dibincangkan dalam mesyuarat IPC dan akhirnya membuat pilihan supaya satu skim yang dipanggil Skim Harga Minima Eksport atau, dengan izin, Minimum Export Price, diterima pakai oleh negara-negara anggota IPC. Skim ini bertujuan supaya negara-negara anggota IPC menawarkan lada hitam dengan harga tidak kurang daripada harga minima yang ditetapkan dari masa ke semasa dengan mengambil kira antara lainnya kos pengeluaran, kedudukan penawaran dan permintaan lada hitam dunia. Ketika ini harga minima eksport lada hitam ialah 100 sen (US) satu paun C & F New York atau lebih kurang 400 ringgit (Malaysia) bagi 100 kilogram.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada industri lada hitam negara. Bagi maksud membantu petani-petani lada hitam, Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelima telah memperuntukkan subsidi sebanyak \$16.47 juta dalam bentuk penyediaan tiang, benih, baja dan bahan-bahan kimia bagi penanaman lada hitam. Sejak Rancangan Malaysia Kelima lagi, Kerajaan melalui Jemaah Pemasaran Lada Hitam telah mewujudkan tabung pusingan yang ketika ini berjumlah \$3.22 juta untuk melaksanakan skim perdagangan lada hitam. Di bawah skim ini, JPLH bertindak sebagai satu saluran pilihan untuk petani-petani memasarkan hasil lada hitam mereka. JPLH membeli lada hitam terus dari petani dan kemudiannya mengeksport lada tersebut keluar negeri setelah diproses mengikut gred dan spesifikasi yang

diperlukan oleh pasaran-pasaran berkenaan.

Keuntungan yang diperolehi oleh JPLH diagihkan semula kepada petani-petani dalam bentuk harga "premium", dengan izin, antara \$5 hingga \$10 bagi setiap 100 kilogram. Ketika ini JPLH mengendalikan perdagangan bagi kira-kira 5% daripada jumlah pengeluaran lada hitam negara. Penglibatan JPLH telah membawa kesan yang menggalakkan di mana peniaga-peniaga lada yang dilesenkan oleh JPLH biasanya bertindak dengan menawarkan harga yang lebih tinggi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat telah membangkit mengenai isu soal industri perabut. Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah memberi penekanan untuk mempesatkan industri ini memandangkan industri berkenaan mempunyai nilai tokok yang tinggi di samping menyumbangkan peluang pekerjaan kepada penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah satu langkah memperkembangkan industri ini di Malaysia, Kerajaan telah mewujudkan kompleks perabut di Olak Lampit, Kuala Langat dengan memberi penekanan kepada industri perabut berasaskan eksport.

Usaha ini dilaksanakan memandangkan pasaran perabot berasaskan kayu dan rotan mempunyai pasaran yang luas khususnya di negeri-negeri maju. Konsep menubuhkan kompleks perabot di Olak Lampit adalah untuk memusatkan segala kemudahan melicinkan operasi pengilangan dan pengangkutan perabot. Di samping itu, pengusaha perabot juga boleh memenuhi pesanan secara besar-besaran dari luar negeri melalui kerjasama antara satu sama lain untuk kepentingan mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah menyentuh mengenai industri

rotan. Kerajaan telah pun menjalankan projek-projek penanam rotan bagi menjamin bekalan rotan yang mencukupi di masa hadapan, di samping membolehkan pekebun kecil menerima pendapatan sampingan. Dalam hubungan ini, seluas 10,150 hektar rotan telah ditanam di Malaysia. Daripada jumlah ini, seluas 325 hektar telah ditanam di ladang getah dalam rancangan pembukaan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan kebimbangan akan berkurangnya kayu di negara kita akibat dari kerja-kerja pembalakan yang sedang berjalan sekarang. Saya suka menegaskan bahawa pembalakan yang dijalankan di Malaysia adalah berdasarkan kepada garis panduan Dasar Perhutanan Negara yang telah dilaksanakan sejak tahun 1978 dan diterima pakai oleh semua negeri, termasuk Sabah dan Sarawak. Mengikut dasar ini Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 12.74 juta hektar hutan simpan kekal dengan pengurusan hutan secara penghasilan berkekalan. Daripada jumlah 12.74 juta hektar kawasan hutan simpan kekal ini sejumlah 3.80 juta hektar telah diperuntukkan sebagai hutan perlindungan dan 8.94 juta hektar telah dikhaskan sebagai hutan produktif. Di samping itu, 6.20 juta hektar telah dikhaskan sebagai kawasan hutan negeri bagi tujuan pembangunan. Pembalakan hanya boleh dibenarkan di hutan produktif dan kawasan yang dikhaskan sebagai hutan negeri. Keluasan hutan yang telah dibalak dikurangkan dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini jika dibandingkan dengan beberapa tahun sebelumnya.

Pada tahun 1984 seluas 728,000 hektar telah dibalak dan jumlah tersebut telah berkurangan secara beransur kepada 659,000 hektar tahun 1985, 642,000 hektar tahun 1986, 631,000 hektar tahun 1987 dan 553,000

hektar tahun 1988. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan telah pun dan sedang memberi perhatian untuk mengurangkan penebangan hutan bagi menjamin sumber hutan akan terus berkekalan, baik dari segi kawalan semulajadi mahupun sebagai sumber industri. Bagi maksud ini Kerajaan telahpun mengharamkan eksport kayu balak dari Semenanjung Malaysia sejak tahun 1985, kecuali balak dari kawasan-kawasan pembangunan yang dibenarkan untuk dieksport tertakluk kepada permit eksport.

Kerajaan Negeri Sarawak telah melaksanakan sistem kuota yang memperuntukkan 10% pengeluaran balak adalah bagi keperluan industri tempatan. Kuota ini disemak atau dikaji semula setiap 6 bulan bagi menjamin bekalan tempatan mencukupi.

Kerajaan Negeri Sabah telah melaksanakan langkah untuk mengurangkan eksport balak ke paras lebih kurang 6 juta meter padu setahun. Dengan langkah penjimatan seperti ini dan tambah pula dengan usaha-usaha pemulihan kawasan hutan, pembukaan ladang-ladang hutan, maka Kerajaan berharap negara kita tidak akan menghadapi kekurangan bekalan kayu yang serius di masa hadapan khususnya untuk menampung keperluan industri hiliran berasaskan kayu yang sedang menerima galakan yang meluas dari Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan sumber hutan negara nampaknya semakin menarik minat orang ramai di luar atau di dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin menegaskan di sini sekali lagi bahawa pengurusan sumber hutan negara kita sentiasa, saya ulangi, sentiasa mengambilkira prinsip-prinsip mengawal alam sekitar dan sejajar dengan Deklarasi Langkawi iaitu memberikan keutamaan kepada pemeliharaan ekoloji dan iklim yang stabil, pemeliharaan

sumber air dan pengekalan kesuburan tanah serta perlindungan sumber-sumber jenetik, flora dan fauna.

Kerajaan adalah sensitif kepada teguran-teguran, baik dari dalam dan luar negeri mengenai hal ini. Kita bersedia menerima kumpulan-kumpulan dari dalam atau luar negeri yang mahu melihat usaha kita. Dalam hubungan ini, saya suka mengumumkan di sini bahawa Kerajaan telah bersetuju menerima kunjungan satu kumpulan 10 orang Ahli-ahli Panel dari Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa, International Tropical Timber Organisation (ITTO), dengan izin, yang berpusat di Yokohama, Jepun, untuk menyaksikan sendiri cara-cara pengurusan hutan di negara ini. Panel ini dianggotai oleh negara-negara pengeluar, pengguna dan juga badan-badan bukan Kerajaan. Panel ini yang diketuai oleh Lord Cranbrook dari United Kingdom, akan mengadakan 3 siri lawatan selama 2 minggu tiap-tiap satu. Lawatan bermula pada 26hb November hingga 9hb Disember, 1989. Bagi lawatan ini jadualnya akan diatur oleh Kerajaan. Dalam lawatan siri kedua dalam bulan Februari dan Mac, 1990, Panel ini bebas membuat jadualnya sendiri, yang bererti mereka bebas melihat apa yang mereka mahu lihat dan berjumpa dengan siapa juga yang mereka mahu jumpa.

Saya ingin menambah di sini iaitu bagi ketiga siri lawatan ini, Ahli-ahli Panel tersebut akan menghabiskan sebahagian besar daripada masa mereka di Sarawak. Saya juga ingin menambah bahawa Malaysia adalah negara pengeluar kayu tropika yang pertama yang sanggup menerima kunjungan Ahli-ahli Panel seperti ini yang membuktikan bahawa kita tidak mempunyai satu apa pun yang hendak disembunyikan.

Saya percaya selepas lawatan tersebut Panel ini akan menyiapkan laporannya secara bebas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa Kerajaan Malaysia sentiasa terbuka untuk ditegur dan akan membuat usaha-usaha pembetulan kiranya perlu selepas mendengar pandangan Ahli-ahli Panel tersebut.

Kita telah memainkan peranan kita di dalam pemeliharaan alam sekitar. Negara-negara maju juga perlu mempunyai tanggungjawab memelihara dan memperbaiki alam sekitar dengan menanam semula kawasan hutan yang telah dimusnahkan dan dijadikan kawasan pertanian yang tidak ekonomik.

Sekarang saya ingin menyentuh isu kaum Penan yang sering dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP, terutamanya Ahli dari Bandar Kuching.

Kerajaan sedar terhadap masalah yang dihadapi oleh masyarakat kaum Penan. Adalah dianggarkan terdapat 9,000 orang kaum Penan yang berada di Sarawak di mana 5,000 hingga 6,000 hidup di daerah Baram dan juga di Belaga, Bintulu, Suai dan Limbang. Daripada jumlah kaum Penan di Sarawak itu adalah dianggarkan $\frac{1}{3}$ ialah orang yang hidup secara menetap, secara kekal, sementara yang lain separuh menetap, sementara 300 orang lagi hidup sebagai kumpulan nomad, iaitu pindah-randah di daerah Baram dan Limbang. Kumpulan yang menetap secara kekal adalah merupakan petani sepenuh masa dan mereka mengamalkan pertanian setanding dengan kaum-kaum lain seperti Iban dan Orang Ulu. Kaum Penan yang separuh menetap sedang dalam proses menyesuaikan kepada kehidupan yang kekal. Kerajaan Sarawak telah mengambil langkah untuk membawa kaum Penan ke dalam kehidupan ekonomi yang lebih kekal secara progresif.

Sebagai satu langkah Kerajaan Sarawak sentiasa mengadakan perbincangan dengan kaum Penan mengenai perkara-perkara yang melibatkan

mereka seperti kesihatan, pendidikan dan kemungkinan mereka hidup secara menetap. Bagi tujuan ini, Kerajaan Sarawak telah mengadakan kemudahan-kemudahan kesihatan, melaksanakan program pembangunan pertanian, menubuhkan pusat kemajuan pembangunan dan sebagainya. Peruntukan sejumlah \$4 juta telah disediakan untuk kemudahan-kemudahan bagi kaum-kaum yang mundur, khususnya kaum Penan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar apa yang sedang dilakukan

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong, saya rasa

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masa tidak ada, saya ada sedikit lagi hendak habiskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar apa yang dilakukan oleh Kerajaan untuk orang-orang Penan tidak selaras dengan kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP dan setengah-setengah kumpulan pendesak di luar Dewan ini. Mereka mahu hutan Sarawak jangan diganggu supaya orang-orang Penan dapat terus menjadi penghuni hutan buat selamanya. Mereka mahu orang-orang Penan terus hidup secara mencari ubi hutan sebagai sumber karbohidret dan memburu serta menyempit kera dan lutong sebagai sumber protin.

Kumpulan ini mahu melihat orang-orang Penan tidak mendapat rawatan perubatan bila sakit, anak-anak mereka

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya habiskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh, Yang Berhormat, kerana masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada hari Isnin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.